

PENELITIAN UNSUR ALAM DALAM NOVEL
SURIATI KARYA AZIZI HJ. ABDULLAH: ANALISIS
EKOLOGI

NUR AZLIN BINTI MUHAMMAD HISHAM

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENELITIAN UNSUR ALAM DALAM NOVEL
SURIATI KARYA AZIZI HJ. ABDULLAH: ANALISIS
EKOLOGI

Oleh:

Nur Azlin Binti Muhammad Hisham

Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh _____ sehingga _____
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan



Tandatangan Penyelia

970128-38-5104

No. Kad Pengenalan

Tarikh: 31 Januari 2021

Sudirman Bin Kiffli

Nama Penyelia

Tarikh: 4 Februari 2021

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Segala puji dan syukur kehadiran Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan, Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, projek penyelidikan dan penulisan mengenai “Penelitian Unsur Alam Dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah: Analisis Ekologi” ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat penyelia projek penyelidikan saya dalam kursus CFT3124 Projek Penyelidikan I dan II iaitu Encik Sudirman Bin Kiffli di atas bimbingan, teguran dan nasihat secara ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan buat kedua-dua ibu bapa saya yang tercinta iaitu Encik Muhammad Hisham Bin Abdul Manap dan Puan Fauziah Binti Che Amat kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih juga kepada rakan-rakan taulan yang sudi menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak perpustakaan dari Universiti Malaysia Kelantan yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan kursus CFT3124 Projek Penyelidikan I dan II kursus ini. Akhir kata, dengan adanya kajian ini akan dapat membuka minda khalayak bahawa unsur alam di muka bumi ini sangat penting kepada kehidupan manusia. Segala yang buruk itu datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Nur Azlin Binti Muhammad Hisham
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan.

JADUAL KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGESAHAN PENSYARAH	
PENGHARGAAN	i
JADUAL KANDUNGAN	ii
SENARAI RAJAH	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Objektif Kajian	6
1.3 Skop dan Batasan Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Metodologi Kajian	11
1.5.1 Kaedah Kajian	11
1.5.2 Kerangka Teori	13
1.6 Organisasi Kajian	15
BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS	
2.0 Pengenalan	18
2.1 Pengkajian unsur alam dalam hasil karya sastera	18
2.2 Pengkajian Teori Ekologi dalam karya sastera	25
2.3 Kesimpulan	33
BAB 3: DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN	
3.0 Pengenalan	34
3.1 Definisi Ekologi dan Kritikan Eko	34

3.2 Kritikan Ekologi menurut William Howarth	37
3.3 Kesimpulan	39
BAB 4: ANALISIS KAJIAN	
4.0 Pendahuluan	40
4.1 Definisi Konsep Alam	40
4.2 Unsur-unsur Alam yang terkandung di dalam Novel <i>Suriati</i>	41
4.2.1 Alam Flora	41
4.2.2 Alam Fauna	45
4.2.3 Alam Fizikal / Inderawi	50
4.2.4 Alam Ciptaan Manusia / Buatan Manusia	55
4.2.5 Alam Cakerawala	58
4.3 Makna yang tersirat di dalam unsur alam dalam Novel <i>Suriati</i> karya Azizi Hj. Abdullah dengan berpandukan kepada Teori Ekologi.	62
4.3.1 Unsur Alam Flora	62
4.3.2 Unsur Alam Fauna	66
4.3.3 Unsur Alam Fizikal / Inderawi	71
4.3.4 Unsur Alam Ciptaan Manusia / Buatan Manusia	76
4.3.5 Unsur Alam Cakerawala	80
4.4 Kesimpulan	85
BAB 5: KESIMPULAN	
5.0 Pengenalan	86
5.1 Rumusan	86
5.2 Cadangan	88
5.2.1 Cadangan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	88
5.2.2 Cadangan kepada pihak Media Massa	89
5.2.3 Cadangan kepada pengkaji yang akan datang	89

5.3 Kesimpulan

90

RUJUKAN


91



UNIVERSITI



MALAYSIA



iv

KELANTAN

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
Rajah 1.6.2	Prinsip-prinsip dalam Teori Ekologi oleh William Howarth	13
Rajah 3.1	Prinsip-prinsip dalam Teori Ekologi oleh William Howarth	36

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Penelitian Unsur Alam Dalam Novel *Suriati* Karya Azizi Hj. Abdullah: Analisis Ekologi

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan kerana pengkaji mendapati bahawa Novel *Suriati* sememangnya kaya dengan unsur alam semula jadi yang dapat memberi pengajaran dan ilmu pengetahuan kepada khalayak pembaca. Seterusnya, objektif kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti, dan menganalisis unsur alam dalam Novel *Suriati* menggunakan Teori Ekologi. Tambahan pula, kajian ini membataskan hanya sebuah novel sahaja iaitu Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah, sememangnya novel ini kurang diminati dalam kalangan pembaca remaja kerana mereka lebih obses kepada novel yang berkisarkan cinta berbanding novel fiksiyen. Jadinya, dengan adanya kajian ini akan membuka minda golongan remaja untuk membacanya. Di samping itu, pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif yang dipilih sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Dalam kajian ini, penerapan Teori Ekologi yang diilhamkan oleh William Howarth pada tahun 1994 dipilih sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian tersebut. Penelitian dan penghuraian terhadap beberapa aspek yang merangkumi prinsip ekologi, prinsip etika, prinsip bahasa, dan prinsip kritikan dilaksanakan sebagai deduksi dalam pendekatan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah mengandungi unsur-unsur alam yang dapat memberikan kefahaman dan penghayatan kepada pembaca tentang unsur-unsur alam yang terdapat dalam Novel *Suriati*, seterusnya menjadi wadah untuk membentuk norma yang baik terhadap khalayaknya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

This study was conducted because the researcher found that Novel Suriati is indeed rich in natural elements that can provide teaching and knowledge to the reader. The objectives of this study is to identify and analyze the elements of nature in the novel Suriati using the Ecological Theory framework. This study limits only one novel which is Suriati by Azizi Hj. Abdullah. This novel is less popular among teenage readers because they are more obsessed with popular novels that focusing on love than fictional novels. So, this study will expose the teenagers to read it. In addition, the researcher used the selected qualitative research method as a guideline framework to complete this study. In this study, the application of Ecological Theory introduced by William Howarth in 1994 was chosen to analyze the novel. There are several elements that included in the ecological theory which are ecological principles, ethical principles, language principles, and critical principles are implemented as deductions in the study approach. The finding shows that in the Novel Suriati by Azizi Hj. Abdullah contain elements of nature that can provide understanding and appreciation to the reader.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sebelum pengkaji membincangkan dengan lebih terperinci mengenai tajuk kajian iaitu penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah, pengkaji ingin memberikan pendefinisian mengenai apa yang dikatakan sebagai kesusasteraan atau lebih dikenali sebagai sastera. Menurut Mursal Esten (1978: 9) menyatakan definisi kesusasteraan secara umumnya bermaksud ungkapan kebenaran artistik dan imaginatif bagaikan indikasi kehidupan manusia dan warga sekeliling melalui bahasa sebagai medium dan memiliki kesan positif terhadap kehidupan manusia iaitu dikenali sebagai kemanusiaan.

Selain daripada itu, sastera amat berkait rapat dengan karya novel sepertimana yang kita ketahui bahawa menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015: 1086) telah mendefinisikan novel sebagai cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks yang berkaitan dengan pengalaman dan kelakuan sosial. Malah, menurut Hashim Awang (1987) telah mendefinisikan novel selaku prosa cerita panjang yang menggambarkan cerita hidup manusia pada suatu tempat serta dalam sesuatu masa tertentu untuk melahirkan satu perkara kehidupan yang menarik. Salah satu novel yang menarik ialah Novel *Siti Nurbaya*. Secara rumusannya, novel dan kesusasteraan saling berhubungan antara satu sama lain kerana sesebuah karya yang dihasilkan oleh penulis itu sudah tentu mengenakan bahasa yang indah dan ianya merujuk kepada kesusasteraan.

Seterusnya, pengkaji telah memilih Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah sebagai panduan dalam melakukan kajian ini. Kajian ini akan menggunakan Teori Ekologi yang memberi penekanan terhadap penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya AziziHj.

Abdullah. Unsur alam dalam novel ini merupakan suatu enjin yang menyampaikan cerita dan mesej yang terkandung dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah. Analisis dari sudut ekologi terbukti memainkan peranan yang penting bagi menghidupkan sesuatu perkembangan cerita tersebut di dalam mana-mana novel. Justeru itu, alam yang sanggup dimaksudkan di sini yakni alam inderawi yang boleh dilihat dengan mata, didengar serta dirasai. Perihal ini termasuklah langit, bumi, awan, bulan, bintang, gunung, sungai, matahari, kilat, embun, tumbuh-tumbuhan dan pelbagai kategori awan. Unsur-unsur tersebut digunakan bagi membawa maksud serta membina cerminan atmosfera di dalam ekspedisi plot untuk sesebuah cerita dalam novel.

Tambahan pula, kajian yang dilakukan adalah satu kajian yang berkaitan dengan penerapan Teori Ekologi dari aspek penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah. Kajian Teori Ekologi dari aspek penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah yang diwujudkan oleh penulis bagi mengerakkan cerita dan menyampaikan gambaran yang terkandung dalam novel. Seperti yang kita sedia maklum bahawa dalam setiap novel atau mana-mana cerpen atau drama sudah pasti mempunyai unsur alam yang diterapkan dalam sesuatu perkembangan cerita tersebut, sekiranya tiada penerapan unsur alam dalam novel sudah tentu sesuatu cerita itu tidak dapat disampaikan dengan sempurna.

Tegasnya, kajian penelitian unsur alam dalam sesebuah novel merupakan enjin utama yang melancarkan perjalanan sesebuah cerita di dalam cereka ataupun novel tersebut. Kegagalan pengarang dalam meneliti unsur alam dengan baik dalam sesebuah karya akan mencacatkan plot sesebuah novel tersebut. Dalam konteks ini, pengkaji akan melihat penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah dengan mengenalpasti, menganalisis dan mengaplikasikan Teori Ekologi dalam kajian ini. Adakah unsur alam yang terkandung dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah dapat

dikenalpasti? Kajian saya ini akan membincangkan penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah. Oleh itu, pengkaji akan merungkai adakah penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah dapat dikenalpasti dengan lebih terperinci?



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.1 Permasalahan Kajian

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, kajian mengenai analisis ekologi sudah banyak dikaji oleh ramai pihak. Sebagai contoh kajian yang dihasilkan oleh Zaitun Hasan (2015) kajian “Manifestasi Citra Alam dalam Novel *Ombak Bukan Penghalang*”, manakala kajian yang dilakukan oleh Akmaliza Abdullah dan Abdul Latif Haji Samian (2017) bertajuk “Unsur-unsur alam dalam pendidikan akhlak masyarakat Melayu menerusi beberapa karya Raja Ali Haji” dan kajian oleh Nurul Afni (2018) iaitu kajian mengenai “Representasi alam dan manusia dalam Novel *Api Awan Asap* karya Korrie Layun Rampan: Suatu kajian ekokritik gred garrard” serta banyak lagi. Namun begitu, kajian lepas yang dijalankan tiada lagi menyentuh mengenai penelitian unsur alam yang belum lagi diperdebatkan dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah.

Selain itu, sesebuah karya yang dihasilkan oleh seorang pengarang terutamanya novel haruslah memiliki mesej yang boleh memberikan manfaat kepada khalayak pembaca dalam pelbagai bentuk dan elemen. Perihal ini kerana, novel ialah prosa cerita yang panjang dan menggambarkan cerita hidup manusia pada suatu tempat serta dalam sesuatu masa tertentu bagi melahirkan satu perkara kehidupan yang menarik (Hashim Awang, 1987). Penerangan daripada Hashim Awang telah menunjukkan bahawa karya yang bermutu tinggi mestilah mempunyai nilai yang boleh memberi faedah kepada khalayak pembaca. Oleh itu, pengarang yang bijak akan menggunakan sehabis baik mungkin segala daya kreativiti serta kemahiran yang wujud untuk diolah menjadi sumber pengajaran dan pembelajaran kepada khalayak terutamanya yang melibatkan unsur-unsur alam yang terdapat dalam novel.

Seterusnya, sebagai pengkaji baharu umum mengetahui bahawa kajian oleh Nurul Afni (2018) semestinya ialah seorang pengkaji yang sangat rapat hubungannya dengan

alam. Hal ini dapat dikukuhkan menerusi penggunaan unsur alam yang terdapat pada kajiannya iaitu Representasi alam dan manusia dalam Novel *Api Awan Asap* karya Korrie Layun Rampan: Suatu kajian ekokritik gred garrard:

“Manusia dan alam merupakan bahagian yang tak terpisahkan dan perkembangan kehidupan manusia menyatu dengan proses evolusi dan perkembangan kehidupan keseluruhan alam semesta. Agar manusia dapat bertahan hidup sepenuhnya, ia bukan hanya bergantung pada sesama manusia, akan tetapi juga bergantung pada alamnya “

(Keraf, 2006: 285-286)

Oleh itu, berdasarkan kenyataan diatas menjelaskan mengenai unsur alam yang mempunyai hubungan dengan manusia iaitu ia tidak dapat dipisahkan melalui proses evolusi dan perkembangan kehidupan manusia dengan keseluruhan alam sekitar yang dikaji oleh Nurul Afni dalam kajian novel *Api Awan Asap* karya Korrie Layun Rampan ialah unsur alam. Tuntasnya, kajian mengenai unsur alam ini amatlah penting bagi kehidupan masyarakat kini supaya mereka menghargai alam yang sedia ada.

Di samping itu, novel dapat dijadikan sebagai salah satu daripada media yang diaplikasikan dalam sesuatu penyampaian maklumat yang berguna kepada khalayak seperti kesedaran nasionalisme, perpaduan dan integriti. Dalam pengkajian ini penggunaan unsur alam akan dikaji dengan lebih terperinci. Bagi memahami mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang maka satu penganalisaan terhadap unsur alam yang terkandung dalam novel yang dikaji juga harus dilaksanakan. Salah satu daripada kaedah bagi memahami maksud yang tersirat dalam novel yang dilakukan adalah melalui cara mengetahui Teori Ekologi. Ini kerana kajian Teori Ekologi akan mengkaji mengenai penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah. Oleh itu, dengan adanya Teori Ekologi ini sedikit sebanyak akan membuka minda pembaca untuk memahami sesebuah karya yang dibaca.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk merungkaikan beberapa perkara tertentu iaitu:

- i. Mengenalpasti unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah.
- ii. Menganalisis unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah menggunakan Teori Ekologi.

1.3 Skop dan Batasan Kajian

Pada bahagian ini akan memperincikan mengenai skop dan batasan aspek kajian yang akan dikaji. Berpandukan kepada batasan bahan kajian, kajian ini akan menfokuskan kepada novel fiksi yang bertajuk Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah iaitu pengkaji hanya menggunakan sebuah novel sahaja. Pengkaji akan mengkaji Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah yang dikeluarkan pertama kali iaitu pada tahun 2009. Novel *Suriati* merupakan sebuah novel yang mengandungi 272 halaman bercetak yang diterbitkan oleh Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. dan mengandungi 22 bab.

Berdasarkan kepada bahan tersebut, kajian ini lebih berfokuskan kepada aspek penelitian unsur alam yang terpapar di dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah dan juga cerminan unsur alam yang diwujudkan oleh pengarang bagi menjadi panduan kepada pembaca yang meliputi alam flora, alam fauna, alam fizikal, alam buatan manusia, alam cakerawala dan sebagainya. Pengkaji mengaplikasikan Teori Ekologi 1994 dalam kajian ini tetapi akan menggunakan secara keseluruhan dalam prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Teori Ekologi 1994. Pengkaji menggunakan keseluruhan prinsip ekologi ini adalah kerana ia amat sesuai dan lebih dekat untuk dijadikan bahan rujukan dan bahan bacaan untuk dikaitkan dengan unsur alam yang terdapat dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah. Oleh itu, pengkaji akan memastikan bahawa unsur alam dan Teori Ekologi 1994 dapat diterapkan dalam kajian ini dengan lebih mendalam.

Di samping itu, menerusi skop dan batasan kajian diatas, terdapat beberapa faktor pemilihan novel ini yang pertama adalah novel ini menerapkan setiap pendedahan yang terkandung dalam novel tersebut. Novel ini seakan mewakili situasi-situasi yang terjadi mengenai episod perjalanan novel ini yang bermula apabila pendedahan demi pendedahan dikemuka iaitu rahsia masa lampau yang selama disimpan kemas oleh

kedua-dua ibu bapa Suriati dan Anuar kembali dibongkar. Pendedahan yang menyentuh jiwa yang terpaksa diterima oleh Suriati dan Anuar ialah kenyataan bahawa kedua-duanya adik-beradik kandung yang mempunyai pertalian darah. Kedua, pemilihan novel ini didasari oleh faktor penggunaan unsur alam yang digambarkan oleh pengarang itu sendiri seperti juga menggunakan alam flora, alam fauna, alam cakerawala dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, berpandukan kepada dua aspek yang dipaparkan tersebut, novel ini telah dijadikan bagi menjadi bahan dalam kajian ini.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bermatlamat bagi tujuan pendidikan. Novel fiksyen mempunyai peranan yang bermanfaat bagi menjadi pencetus minda golongan muda disamping dapat memupuk minat pembaca khususnya kepada golongan pelajar. Sepertimana yang kita ketahui bahawa zaman sekarang sesetengah pelajar lebih berminat untuk membaca novel-novel picisan berbanding dengan novel fiksyen. Malah, ada sesetengah pelajar kurang didedahkan dengan unsur alam yang terdapat dalam hasil karya penulis-penulis novel. Oleh hal yang demikian, dengan wujudnya kajian ini pengkaji berharap supaya kajian ini dapat memberikan pendedahan kepada para pelajar terutamanya bagi golongan remaja tentang pentingnya unsur alam kepada kehidupan seharian.

Seterusnya, kajian ini diharapkan boleh memberikan banyak faedah kepada warga. Hal ini kerana penyelidikan yang dilaksanakan terhadap suatu topik ataupun isu berupaya mengekalkan khazanah sastera yang dihasilkan agar karya tersebut tidak ketinggalan. Bersumberkan kepada penelitian terhadap kajian- kajian yang sudah dilaksanakan oleh para pengkaji di pelbagai peringkat, pengkaji memperolehi bahawa kajian terdahulu banyak memperkatakan dari aspek tema, gaya bahasa, nilai- nilai moral, citra masyarakat, plot dan sebagainya yang terkandung di dalam novel fiksyen dengan mengaplikasikan pelbagai teori. Teori Ekologi pula turut digunakan oleh sebahagian para pengkaji sarjana sama ada di dalam tempatan mahupun luar negara dalam kajian mereka yang meliputi pelbagai bidang.

Di samping itu, kepentingan kajian ini juga adalah untuk memberi manfaat kepada pengkaji sendiri atau individu. Hal ini kerana telah menjadi amanah pengkaji bagi meneruskan dan menaikkan kajian tentang unsur alam dalam novel fiksyen ini di

peringkat yang tinggi dengan berpandukan terhadap teori ekologi. Malah, pengkaji turut menjadikan sebahagian gambaran analisis yang pernah diaplikasikan oleh pengkaji terdahulu sebagai panduan bagi pengkaji semasa proses menganalisis supaya pengkaji dapat menwujudkan kajian yang lebih berkualiti dan mendalam. Oleh itu, pengkaji berharap dengan menganalisis kajian teks penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* ini dapat membuka minda masyarakat terhadap penelitian kepentingan unsur alam dapat diperluaskan, ditambah, dan diperkembangkan semua ilmu yang telah ada dalam melaksanakan kajian yang dilaksanakan berupaya menjadi perintis kepada penyelidikan terutama kepada karya-karya yang belum dirungkaikan oleh mana-mana para pengkaji dalam novel ini.

1.5 Metodologi Kajian

Metodologi dapat didefinisikan sebagai sistem yang meliputi kaedah dan prinsip yang diaplikasikan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan lain-lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016: 1030). Metodologi menerangkan kaedah sesuatu permasalahan yang dikaji dan kenapa sesuatu teknik dan kaedah tertentu diaplikasikan. Metodologi ini adalah bertujuan untuk membantu memahami dengan lebih lanjut dan terperinci lagi tentang penggunaan kaedah dengan membuat huraian tentang proses hasil kajian dilaksanakan. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan, analisis teks, internet dan teori. Terdapat beberapa metodologi kajian yang diaplikasikan dalam menghasilkan kajian ini antaranya ialah kaedah kajian, dan kerangka teori.

1.5.1 Kaedah Kajian

Kaedah kajian ini digunakan di dalam sesebuah kajian untuk memastikan penyelidikan dapat dijalankan dengan sistematik dan berkesan. Sehubungan itu, pengkaji akan memperincikan kaedah-kaedah ini di bawah seperti kaedah kajian kepustakaan. Kaedah kepustakaan ini pengkaji mencari sumber-sumber buku untuk dijadikan bahan rujukan untuk kajian. Pengkaji telah mengumpul bahan-bahan rujukan seperti buku, glosari, artikel, jurnal, tesis dan banyak lagi di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).


Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah kajian teks iaitu melalui Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah yang diterbitkan pada tahun 2009. Novel ini mempunyai 267 halaman. Novel ini mengandungi 22 bab yang akan di kupas berkenaan penelitian unsur alam yang diaplikasikan oleh pengkarya. Bagi memperoleh maklumat kajian, novel ini akan diterokai oleh pengkaji berpandukan kepada proses pembacaan teks. Menerusi

hasil pembacaan, pengkaji akan mengenalpasti beberapa aspek penelitian unsur alam yang cuba ditimbulkan oleh pengarang dengan membincangkan dan menganalisis aspek unsur alam yang terkandung di dalam novel.

Di samping itu, pengkaji juga turut mengaplikasikan kaedah rujukan internet dalam menghasilkan kajian ini. Hal ini kerana pengkaji membuat rujukan internet dalam menghasilkan kajian ini dengan menggunakan aplikasi *my Athens* di laman sesawang Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk mencari dan membuat rujukan bagi tinjauan kajian lepas. Pengkaji juga turut membuat pencarian di internet mengenai maksud-maksud sesuatu perkara dan perkataan serta teori-teori yang pengkaji inginkan sebagai rujukan dan panduan dalam menghasilkan kajian novel.

1.5.2 Kerangka Teori

Pengkaji mengaplikasikan teori dalam menghasilkan kajian ini iaitu pengkaji menggunakan Teori Ekologi 1994. Hal ini demikian kerana pengkaji menggunakan teori ekologi ini kerana teori ini amat berkait rapat dengan novel yang pengkaji kaji. Semua butiran yang terdapat di dalam teks akan disesuaikan dengan topik atau skop kajian yang dihasilkan. Teori ini mula diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner pada tahun 1979. Model ekologi manusia ini mempunyai ciri tertentu dan menghuraikan konsep asas pendekatan ekologikal iaitu organisma, pendekatan dan saling bertindak antara keduanya. Konsep ekologi didefinisikan oleh William Howarth (1996: 71) di mana ekologi adalah saling hubung kait antara semula jadi dan budaya. Menurut William Howarth (1994) telah mengetengahkan empat prinsip yang saling berkait yang mendasari kritikan ekologi antaranya adalah seperti di bawah:



Rajah 1.6.2: Prinsip-prinsip dalam Teori Ekologi oleh William Howarth

Selain itu, berdasarkan kepada empat prinsip tersebut ianya saling berhubungan antara satu sama yang lain. Di dalam teori ekologi ini terdapat empat prinsip yang berpandukan kritikan eko antaranya ialah prinsip ekologi, prinsip etika, prinsip bahasa dan prinsip kritikan. Menurut Howarth, bahasa adalah alat yang diaplikasikan oleh pengarang untuk mengungkapkan tentang kehidupan manusia dan benda bukan hidup. Dalam konteks kritikan eko, bahasa menjadi perhubungan kepada segala persoalan yang berkaitan dengan ekologi dan etika ekologi. Menurut Howarth yang melihat bahasa mampu menghubungkan alam sekitar dan budaya atau lebih tepat antara ekologi dan etika ekologi.

Oleh itu, pengkaji akan menggunakan keempat-empat prinsip William Howarth sebagai panduan bagi melakukan kajian pada bahagian analisis kajian teks. Hal ini demikian kerana pengkaji memilih keempat-empat prinsip yang didasari oleh kritikan ekologi kerana berdasarkan kepada bahan teks pembacaan iaitu Novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak unsur alam yang digunakan dalam novel tersebut saling berkait rapat dengan ekologi, etika, bahasa dan kritikan. Terutamanya unsur yang melibatkan ekologi yang mengandungi ekosistem iaitu terbahagi kepada dua jenis iaitu abiotik dan biotik.

1.6 Organisasi Kajian

Kajian ini dipecahkan kepada 5 bab. Di mulai dengan bab 1 iaitu bab pendahuluan yang meliputi pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan organisasi kajian. Seterusnya di dalam bab 2 pula, merupakan tinjauan kajian lepas iaitu kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji tentang kajian yang berkait dengan tajuk kajian pengkaji. Seterusnya, di dalam bab 3 pula definisi teori atau pendekatan iaitu merujuk kepada teori pengkaji gunakan dalam kajian ini. Bab 4 pula adalah analisis kajian berdasarkan kepada hasil kajian dan pembacaan teks oleh pengkaji. Manakala, bab yang terakhir pula ialah bab 5 iaitu mengenai kesimpulan dalam kajian yang dilakukan ini.

Bab 1 dimulakan dengan pengenalan iaitu pada bahagian ini akan menghuraikan definisi kesusasteraan, novel, pemilihan tajuk kajian, definisi alam dan mengenai teori yang digunakan dalam kajian ini. Kedua, permasalahan kajian iaitu berkisarkan mengenai masalah yang telah dikenalpasti semasa pengkaji melakukan kajian ini dengan berpandukan kepada kajian lepas. Ketiga, objektif kajian iaitu akan dinyatakan tujuan kajian dilakukan yang akan dibincangkan dalam analisis kajian. Keempat ialah skop kajian iaitu menfokuskan kepada skop dan ruang lingkup kajian ini dalam melaksanakan kajian tentang penelitian unsur alam. Selain itu, bahagian kepentingan kajian pula, pengkaji akan menyatakan kepentingan kajian terhadap pendidikan, masyarakat dan individu. Metodologi kajian pula, pengkaji akan menghuraikan kaedah kajian dan kerangka teori. Manakala, pada bahagian kerangka teori pula pengkaji akan menghuraikan mengenai teori yang digunakan dan prinsip-prinsip yang digunakan oleh pengkaji.

Selain itu, di dalam bab 2 pula pengkaji akan menyentuh tentang tinjauan kajian lepas oleh penulis iaitu kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji barat dan tempatan yang berkait rapat dengan kajian yang dikaji. Di dalam bab 2 ini pengkaji akan memulakan dengan pengenalan kepada kajian-kajian lepas. Seterusnya, pengkaji akan membuat rumusan tentang kajian-kajian lepas yang berkenaan dengan pengkajian tentang unsur alam dalam hasil karya sastera dan juga pengkajian tentang Teori Ekologi dalam karya sastera. Di dalam setiap rumusan kajian itu pengkaji juga akan membuat perbandingan antara kajian lepas dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Di akhir bahagian bab 2 ini pengkaji akan membuat kesimpulan kepada rumusan-rumusan kajian lepas yang telah dirumuskan.

Seterusnya, bab 3 adalah definisi teori atau pendekatan. Hal ini demikian kerana di dalam bab ini pengkaji akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang teori yang digunakan dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori yang digunakan sebagai panduan untuk menjalankan kajian. Di dalam bab 3 ini, pengkaji akan memulakan dengan pengenalan kepada bab 3 iaitu mengenai definisi teori dan pendekatan. Seterusnya, pada bahagian ini juga, pengkaji membincangkan mengenai definisi ekologi, kedua tentang definisi kritikan eko dan ketiga tentang kritikan ekologi menurut William Howarth di mana pada bahagian ini pengkaji akan menghuraikan mengenai prinsip-prinsip yang akan digunakan oleh pengkaji di dalam bab analisis kajian. Pada pengakhiran bab ini pengkaji akan membuat kesimpulan bagi keseluruhan teori dan pendekatan di dalam bab 3 ini.

Tambahan pula, bab 4 pula akan membincangkan mengenai analisis kajian atau teks. Analisis kajian teks ini pengkaji akan menganalisis dengan lebih terperinci mengenai topik yang dikaji dan mengaplikasikan teori yang digunakan dalam hasil analisis kajian ini. Hal ini demikian kerana pada bahagian permulaan analisis kajian

pengkaji akan memulakan dengan pengenalan iaitu pada bahagian pengenalan pengkaji akan membuat pengenalan tentang isi-isi utama yang akan dibincangkan di dalam pengenalan. Seterusnya, pada bahagian kandungan analisis pula pengkaji akan membuat perbincangan tentang analisis kajian dan menggunakan teori yang telah dipilih oleh pengkaji dan pada bahagian pengakhiran bab 4 ini, pengkaji akan membuat kesimpulan tentang hasil perbincangan analisis kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji.

Di samping itu, di dalam bab yang terakhir iaitu bab 5. Di dalam penulisan ilmiah ini iaitu bab kesimpulan. Hal ini demikian kerana di dalam bab yang terakhir ini pengkaji akan membuat penutup dan rumusan secara keseluruhannya di dalam penulisan kajian ini. Di dalam bab 5 ini juga pengkaji akan memberikan cadangan atau penambahbaikan sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung di dalam kajian penulisan ilmiah ini tentang penelitian unsur alam di dalam novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah.

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada bab-bab yang dinyatakan diatas, bab-bab tersebut merangkumi tentang objektif dan juga matlamat kajian yang perlu dilaksanakan bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul. Selain itu, kepentingan kajian yang ingin dilaksanakan turut diuraikan, kaedah kajian dan penggunaan teori yang bersesuaian dapat digunakan untuk mencapai objektif utama kajian ini dan menjadi panduan kepada pengkaji dalam membuat analisis kajian tentang kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Bab ini mengandungi perbincangan tentang satu perkara iaitu tinjauan kajian lepas. Bahagian tinjauan kajian lepas membabitkan kajian lepas tentang unsur alam dalam teks dan pengkajian lepas mengenai teori ekologi yang dikaji oleh pengkaji lepas. Kajian yang berkenaan dengan novel telah banyak dikaji oleh pengkaji terhadap novel-novel Melayu dalam pelbagai aspek. Pelbagai elemen yang telah diterapkan semasa melakukan kajian oleh para pengkaji yang berkaitan dengan novel-novel Melayu. Antara kajian yang telah dilaksanakan ialah berkaitan dengan “Konservasi Alam dalam Novel *Baiat Cinta di Tanah Baduy karya Uten Sutendy*”, “Manifestasi Citra Alam dalam Novel *Ombak Bukan Penghalang: Suatu penelitian firasat melayu*”, “Representasi alam dan manusia dalam Novel *Api Awan Asap karya Korrie Layun Rampan: Suatu kajian ekokritik gred garrard*” dan banyak lagi.

2.1 Pengkajian unsur alam dalam hasil karya sastera.

Antara kajian yang pernah dilaksanakan berkaitan kajian unsur alam dalam teks ialah kajian oleh Nor Ilani Awang Omar (2010), melalui kajiannya di peringkat Sarjana Muda yang bertajuk “Unsur Alam dalam Pantun Melayu” pula lebih berfokus kepada unsur alam melibatkan unsur fauna dan unsur kosmologi. Dalam artikel ini pengkaji menggunakan rekabentuk kajian kualitatif iaitu melalui dua kaedah iaitu ke perpustakaan dan kaedah kajian teks. Segala data dan maklumat yang diperolehi dibincangkan secara gambaran. Hasil dapatan kajian ini ialah menganalisis unsur-unsur alam yang melibatkan unsur flora fauna dan unsur kosmologi yang terkandung di dalam Pantun Melayu. Namun, kajian ini berbeza dengan kajian yang bakal dilakukan yang berfokus kepada penelitian

unsur alam yang terdapat di dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah yang akan menerapkan pendekatan William Howarth (1994).

Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Norfil Laily (2012), yang berjudul “Konservasi Alam dalam Novel *Baiat Cinta di Tanah Baduy* karya Uten Sutendy”. Kajian ini meneliti isu yang berkaitan dengan penelitian dengan kajian ekokritik Greg Garrard dalam Novel *Baiat Cinta di Tanah Baduy* karya Uten Sutendy ditemukan segala hasil alam digunakan oleh masyarakat Baduy bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Jurnal ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif deskriptif iaitu dengan menggunakan dua pendekatan utama iaitu pendekatan wacana yang menekankan penelitian pustaka dan realiti menekankan penelitian lapangan. Hasil dapatan dalam penelitian kajian ini ialah gerakan hijau, peranan alam sebagai latar fizik, dan nilai yang dikatakan sesuai dengan kearifan Ekologis. Manakala, di dalam kajian yang akan dilakukan kelak di dalam novel yang berbeza dan pengkaji tidak mengkaji lingkungan alam iaitu ekokritik sahaja tetapi pengkaji mengkaji perihal penelitian unsur alam dengan menggunakan analisis ekologi dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Zaitun Hasan (2015) yang bertajuk “Manifestasi Citra Alam dalam Novel *Ombak Bukan Penghalang: Suatu penelitian firasat Melayu*”. Kajian ini menjelaskan tentang citra alam yang sering digunakan dalam novel dan penggunaan citra alam dalam Novel *Ombak Bukan Penghalang*. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis penggunaan unsur alam dalam novel oleh Osman Ayob dan kajian ini menganalisis dengan menggunakan pendekatan Firasat Melayu. Oleh itu, melalui penjelasan dalam kajian ini dapat menerangkan bahawa pengarang Osman Ayob telah menjadikan unsur alam sebagai idea penting kepada penghasilan bahan karyanya. Manakala, kajian yang akan dilakukan kelak akan mengkaji berkaitan dengan penelitian unsur alam di dalam Novel *Suriati*. Perbeza-

an fokus kajian ini akan memberikan analisis yang berbeza di akhir nanti kerana aspek penelitian unsur alam dengan menggunakan kajian ekologi mempunyai disiplin ilmu yang berbeza.

Tinjauan kajian lepas diteruskan lagi dengan kajian oleh Maharam Mamat (2015), kajian PhD yang membangkitkan mengenai “Alam Sekitar dalam novel-novel penulis Sarawak: Analisis Kritikan Eko”. Tesis ini mengaplikasikan pendekatan Eko untuk menganalisis bagaimana penulis Sarawak menginterpretasikan alam sekitar dalam karya berdasarkan isu-isu yang diutamakan dalam novel mereka. Objektif kajian ini yakni untuk menganalisis wujud persaingan antara sepesis yang ada dalam novel, mengkaji punca berlaku kemerosotan kualitas alam dekat akibat pencemaran dalam karya, mengkaji kesan guna tanah terhadap alam dekat serta menganalisis gaya bahasa untuk menggambarkan faktor alam novel Sarawak terpilih. Berlandaskan kepada hasil analisis kajian ini mendapati terdapat kecederungan pengarang bagi mengangkat elemen alam di dalam karya serta cuba bagi menambahkan kesedaran kepada pembaca tentang kepentingan alam sekeliling paparan kesan dan impak terhadap alam sekeliling. Tetapi, pengkaji tidak mengkaji aspek alam sekitar yang hanya berfokuskan kepada persaingan antara sepesis yang terdapat di dalam novel Sarawak dari aspek pendekatan Eko tetapi pengkaji mengkaji perihal penelitian unsur alam dengan menggunakan kesemua pendekatan dalam Teori Ekologi yang terkandung di dalam Novel *Suriati*.

Kajian yang kelima pula adalah kajian yang dilakukan oleh Narawi Sawan @ Mohammad Syawal (2015), melalui kertas kerjanya yang bertajuk “Penyesuaian unsur alam dan unsur fauna dalam kata-kata adat pedidikan untuk pemeliharaan budaya etnik Kelabit” juga membincangkan aspek berkaitan unsur alam. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan pemilihan penggunaan unsur alam dan fauna dalam kata-kata panggilan adat masyarakat Kelabit. Kajian ini menggunakan sumber data yang diperoleh melalui

perbualan kosong, kajian dan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian ini ialah masyarakat Kelabit cenderung untuk menyesuaikan semua elemen semula jadi dan unsur fauna yang bakal dilakukan yang berfokus kepada penelitian unsur alam yang terdapat di dalam teks *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah yang akan menerapkan empat prinsip William Howarth (1994).

Aspek kajian unsur alam dalam hasil karya sastera yang seterusnya ialah kajian oleh Akmaliza Abdullah & Abdul Latif Hj. Samian (2017) yang bertajuk “Unsur-unsur Alam dalam pendidikan akhlak masyarakat melayu menerusi beberapa karya Raja Ali Haji”. Jurnal ini meneliti isu yang berkaitan peranan alam dalam melahirkan pendidikan akhlak dalam masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan diguna pakai bagi meneliti beberapa karya Raja Ali Haji (1808-1872). Oleh itu, dapatan kajian ini diperolehi dalam masyarakat Melayu Nusantara, alam bukan sahaja dianggap sebagai dicipta untuk kesejahteraan hidup manusia malah ianya turut berperanan bagi mewujudkan ketinggian akhlak yang berpaksikan kepada pandangan semesta Islam. Manakala, kajian yang akan dilakukan kelak akan mengkaji berkaitan dengan penelitian unsur alam di dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah dengan berkonsepkan ekologi.

Tambahan pula, kajian oleh Nurul Afni (2018) yang membangkitkan “Representasi alam dan manusia dalam Novel *Api Awan Asap* karya Korrie Layun Rampan: Suatu kajian ekokritik gred garrard”. Kajian ini bertujuan mendeskripsikan hubungan antara alam dan manusia dalam novel *Api Awan Asap* karya Korrie Layun Rampan dilihat dari nilai-nilai kearifan terhadap lingkungan. Kajian ini bersifat deskriptif kualitatif. Kajian ini membincangkan mengenai hubungan antara alam dan manusia yang terdapat dalam novel *Api Awan Asap* tidak hanya hubungan yang saling menguntungkan keduanya (alam dan manusia), akan tetapi ada pula yang merugikan keduanya. Manakala, di dalam kajian

yang akan dilakukan kelak di dalam novel yang berbeza dan pengkaji tidak mengkaji hubungan yang saling menguntungkan dapat dilihat dari perlakuan yang ditonjolkan oleh masyarakat Lou Dempar (Suku Dayak Benuaq) terhadap alam sekelilingnya. Tetapi pengkaji mengkaji perihal penelitian unsur alam dengan menggunakan analisis ekologi dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah.

Tinjauan kajian lepas yang seterusnya ialah kajian yang dihasilkan oleh Kasmaizun Euni Mohd Sarji (2018) yang membincangkan mengenai “Unsur alam dalam kumpulan cerpen Siti Zainon Ismail” mengenalpasti unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail, menganalisis makna unsur alam dan merumuskan kepengaruhannya berpandukan kepada ungkapan unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Bagi menyiapkan kajian ini pengkaji menggunakan teori konseptual kata kunci manakala metodologi kajian yang diaplikasikan ialah kaedah kepustakaan dan analisis teks. Selain itu, hasil dapatan bagi kajian ini ialah konsepsi penulis terhadap alam yang dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya latar belakang keluarga, pendidikan, pekerjaan, hobi, pengalaman dan pengembaraan. Justeru itu, kajian yang dilakukan oleh Kasmaizun Euni Mohd Sarji ini berbeza dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Perbezaan dapat dilihat dari aspek teori yang digunakan oleh pengkaji dengan teori yang digunakan oleh Kasmaizun Euni Mohd Sarji iaitu pengkaji menggunakan teori ekologi manakala penulis artikel ini menggunakan teori konseptual kata kunci.

Selain daripada itu, tinjauan kajian lepas yang berikutnya ialah kajian penulisan oleh Safrudin Atfalusoleh (2018) yang bertajuk “Kajian Ekokritik Sastra Cerpen *Harimau Belang* karya Guntur Alam dalam kumpulan cerpen Kompas 2014 “Karma Tanah & Cerita Lainnya”. Artikel ini bertujuan untuk mendeskripsikan struktur cerpen *Harimau Belang* karya Guntur Alam. Malah, kajian ini juga bersifat deskriptif iaitu jenis kaedah kepustakaan. Artikel ini juga menggunakan teknik pengumpulan data dengan cara

teknik baca catat. Berdasarkan hasil analisis kajian bagi artikel ini maklumat cerpen tersebut mempunyai struktur yang kukuh dan selalu berkait rapat dan saling berhubungan antara alam dengan sumber kehidupan. Manakala, bagi kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji yang mana pengkaji mengaplikasikan Novel *Suriati* sebagai bahan kajian dan pengkaji akan menfokuskan kepada keempat-empat prinsip ekologi antaranya ialah ekologi, etika, bahasa dan kritikan dalam hasil analisis kajian.

Tambahan pula, kajian yang dilakukan oleh Russel Dundang Anak Jeffrey & Mary Fatimah Subet (2018). Kajian ini bertajuk “Unsur Alam Dalam Peribahasa Iban (Jaku’ Sempama): Satu Analisis Semantik Inklusif”. Kajian ini adalah bagi menganalisis unsur alam dalam jaku sempama Iban mengaplikasikan analisis Semantik Inklusif. Dalam artikel ini, kajian ini mengaplikasikan pendekatan Semantik Inklusif bagi menjelaskan makna, kognitif dan memasukkan falsafah serta akal budi masyarakat Iban berkenaan perubahan yang dipilih. Dapatan kajian ini menampilkan bahawa adanya falsafah disebalik penciptaan suatu peribahasa warga Iban yang boleh berhubungan dengan budaya warga yang menunjang peribahasa tersebut. Kajian ini tidak menyentuh berkenaan dengan teks Novel *Suriati* karya Azizi HJ. Abdullah yang menjadikannya berbeza dengan kajian dalam penulisan ini.

Tinjauan kajian lepas yang seterusnya ialah kajian yang dilaksanakan oleh Jufika Martalina (2019) yang mengkaji tentang kajian “Ekolinguistik leksikon flora dan fauna peribahasa Indonesia dalam Novel *Atheis*”. Kajian ini membincangkan kajian leksikon flora serta fauna peribahasa Indonesia dalam novel *Atheis* dari perspektif ekolinguistik. Malah, kajian ini pula ikut menganalisis dalam membentuk peribahasa Indonesia, leksikon flora serta fauna berperanan sebagai leksikon mengisi peranan subjek serta penambah. Tetapi juga dari perspektif ekolinguistik, leksikon flora serta fauna dalam membentuk peribahasa berperanan sebagai representasi lingkungan Indonesia. Definisi

leksikon flora serta fauna pada peribahasa ialah makna perumpamaan yang merujuk kepada seluruh suatu yang berhubungan dengan manusia. Hasil analisis artikel ini ialah menunjukkan bahawa dalam membentuk peribahasa Indonesia, leksikon flora dan fauna berperanan sebagai leksikon bagi memenuhi peranan subjek dan pelengkap. Manakala, di dalam kajian yang akan dilakukan kelak di dalam novel yang berbeza dan pengkaji tidak mengkaji aspek alam sekitar yang berfokuskan kepada peribahasa Indonesia dari perspektif ekolinguistik tetapi pengkaji mengkaji perihal penelitian unsur alam dengan menggunakan analisis ekologi dalam novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah. Perbezaan fokus kajian ini akan memberikan analisis yang berbeza di akhir nanti kerana aspek penelitian unsur alam dengan menggunakan kajian ekologi mempunyai disiplin ilmu yang berbeza.

Selain daripada tinjauan kajian lepas di atas terdapat juga kajian lepas lain antaranya kajian lepas oleh Fitriah Nurul Sakina, Juanda & Suarni Syam Saguni (2019) yang membincangkan “Relasi antara manusia dan alam pada Novel *Genduk* karya Sundari Mardjuki (Sebuah kajian Ekokritik)”. Artikel ini berperanan buat mendeksripsikan wujud hubungan yang terjalin antara manusia serta alam dan akibat dari hubungan tersebut bersumber pada kajian ekokritik. Dari novel *Genduk*, di peroleh informasi yang berhubungan dengan kawasan serta hubungannya dengan manusia, sehingga sanggup diasumsikan bahawa novel ini tercantum kategori karya sastera hijau. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif. Hasil kajian membuktikan bahawa Novel *Genduk* merepresentasikan gunung selaku perwakilan alam yang dalam keberadaannya mempunyai jalinan simbiosis dengan manusia. Manakala, di dalam kajian pengkaji akan melihat dari sudut ekologi iaitu dengan membincangkan dengan lebih teliti mengenai unsur alam yang terkandung di dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah.

Di samping itu, berdasarkan kepada tinjauan kajian lepas dalam penulisan oleh Muhammad Farid Kurniawan (2019) yang membangkitkan “Novel *Ladu* karya Tosca Santoso: Kajian Ekokritik Gred Garrad”. Kajian ini bertujuan menjelaskan bentuk kerosakan latar fizik (lingkungan), menerangkan relasi manusia bersama latar fizik (lingkungan) dan menerangkan bentuk pengkekalan nilai-nilai yang dikatakan dengan kearifan ekologi dalam novel *Ladu* karya Tosca Santoso. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kaedah kualitatif dan berdasarkan kepada hasil dapatan kajian ini turut menfokuskan penelitian berkiatan pesan moral dan nilai-nilai dalam karya sastra semakin bertambah, kerana kedua aspek tersebut dianggap sebagai bahan dari karya sastera. Oleh hal yang demikian, ianya berbeza dengan kajian yang akan dikaji yang mana pengkaji hanya akan menfokuskan kepada analisis ekologi bersandarkan kepada penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati*.

2.2 Pengkajian Teori Ekologi dalam karya sastera.

Berdasarkan kepada tinjauan-tinjauan kajian lepas iaitu kajian yang berkaitan dengan unsur alam dalam hasil karya sastera telah banyak dikaji tetapi bukan kajian tentang unsur alam dalam hasil karya sastera sahaja tetapi ia juga turut melibatkan kajian mengenai Teori Ekologi. Tinjauan kajian lepas yang pertama ialah kajian yang dilaksanakan oleh Siswo Harsono (2008) yang mengkaji tentang “Ekokritik: Krtitik Sastra Berwawasan Lingkungan”. Objektif kajian ini adalah secara meluas iaitu sastra, seni, budaya dan lain-lain. Dalam kajian ini juga objektif ekokritik yang akan dijadikan bahan kajian adalah kesusasteraan dalam *paradigm nature-nature culture*. Malahan pula, dalam paradigm tersebut, kesusteraan yang merupakan bahagian dari ekosfer dapat dikaji saling bergantung dengan alam, budaya dan pemeliharaan. Kaedah kajian yang dilaksanakan oleh artikel ini adalah pendekatan wacana dan pendekatan realiti. Kedua-dua pendekatan ini digunakan kerana ia berfungsi saling melengkapi secara timbal balik.

Hasil analisis kajian ini ialah apa yang dapat dilakukan oleh biasiswa sastera untuk menjawab pertanyaan mengenai masalah alam sekitar dan peranan apa itu ekokritik mengenai point utama. Wallaupun demikian, kajian artikel ini mengkaji Ekokritik: Kritik Sastra Berwawasan Lingkungan dengan menjadikan ekokritik sebagai bahan kajian. Berbanding kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji akan mengkaji mengenai penelitian unsur alam dalam novel dengan berpandukan kepada teori ekologi menurut William Howarth (1994) dan berdasarkan kepada empat prinsip William Howarth iaitu prinsip ekologi, prinsip bahasa, prinsip etika dan prinsip ekokritik.

Pengkaji yang kedua yang turut menjalankan kajian berkenaan dengan analisis Teori Ekologi dalam teks sastera adalah kajian oleh Sueipto Hariyanto, Bambang Irawan & Thin Soedorti (2008). Kajian ini yang bertajuk “Teori dan Praktik Ekologi”. Buku ini diterbitkan adalah bagi memenuhi mata pelajaran kuliah wajib bagi mahasiswa pada program Studi Biologi dan bertujuan agar setelah mengambil mata kuliah ini mahasiswa dapat mengerjakan sampling ekologi, menganalisis data populasi dan menyusun laporan ilmiah tertulis di dalam bidang ekologi. Buku ini juga membuat penelitian dalam bidang ekologi dengan menggunakan suatu penelitian data iaitu terbahagi kepada dua iaitu data kuantitatif dan kualitatif. Hasil dapatan buku ini ialah mengumpulkan sampling ekologi antaranya ialah sampel statistik (data berat tubuh setiap ekor cacing dari 100 ekor yang ditangkap), sampel statistik berupa data atau informasi, sampel fizik berupa benda yang kita amati dan pelbagai cara yang digunakan untuk mengambil sampel dengan tepat iaitu teknik sampling. Namun, kajian ini amat berbeza dengan kajian yang bakal dilakukan yang lebih berfokus kepada penelitian unsur alam yang terdapat di dalam teks *Suriati* yang akan menerapkan Teori Ekologi (Ekokritik) dengan menggunakan pendekatan William Howarth (1994).

Selain itu, kajian yang ketiga dilakukan oleh Tri Na'imah (2012) yang membangkitkan tajuk kajiannya iaitu "Pendidikan Karakter" (Kajian dari Teori Ekologi Perkembangan)". Kajian ini bertujuan untuk menyelidik pendidikan perwatakan dengan pendidikan holistic. Kajian ini menggunakan Teori Ekologi Perkembangan dengan menggunakan tiga pendekatan ekologi, iaitu mikrosistem, ekosistem dan makrosistem. Hasil kajian ini adalah pengkaji mengkaji dengan lebih terperinci mengenai pendidikan karakter berpandukan kepada kajian teori ekologi mengikut sub sistem yang terkandung di dalam teori tersebut. Walaupun demikian, kajian yang dilakukan di dalam artikel ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji kelak. Hal ini demikian kerana, kajian tentang Teori Ekologi Perkembangan Bronfenbrenner & Morris (1998) dalam artikel ini telah meneliti pendidikan perwatakan dengan menggunakan tiga pendekatan yang terkandung di dalam teori ekologi perkembangan Bronfenbrenner. Berbanding dengan kajian yang akan dilakukan kelak, kajian yang akan dilakukan akan melibatkan kajian penelitian unsur alam dalam novel yang akan digunakan dengan menganalisis ekologi berpandukan keempat-empat prinsip daripada tokoh William Howarth (1994).

Dalam pada itu, tinjauan kajian lepas yang berikutnya ialah kajian yang dilakukan oleh Permanarian Somad (2013). Kajian ini bertajuk "Teori Ekologi sebagai dasar pengembangan keterampilan komunikasi Siswa Tunarungu Usia Pra-Sekolah". Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dasar pengembangan keterampilan komunikasi Siswa Tunarungu Usia Pra-Sekolah berpandukan kepada Teori Ekologi. Kajian ini menggunakan Teori Ekologi dalam kajiannya. Berdasarkan kepada hasil pembahasan jurnal ini telah menganalisis pengertian ketunarunguan, keterampilan komunikasi, teori ekologi, dan keluarga sebagai ekologi perkembangan bahasa dan bicara anak tunarungu. Justeru itu, kita dapat lihat terdapat perbandingan antara kajian ini dan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Jurnal ini mengkaji mengenai Teori Ekologi berpandukan

kepada pengembangan manusia melalui hasil interaksi antara kekuatan *internal* dan kekuatan *eksternal*. Berbanding, kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu kajian penelitian unsur alam dalam novel dengan menganalisis ekologi dan menggunakan teori ekologi sebagai dasar utama dalam hasil kajian yang akan dianalisis.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Noor Fazreena Rasngat, Kamal Azmi Abd. Rahman & Mohd Zuhdi Marsuki (2013) yang bertajuk “Prinsip asas ekologi dalam (Deep Ecology): Suatu pandangan perspektif Islam”. Kajian artikel ini bertujuan untuk menilai semula kepada lapan prinsip asas ekologi dalam yang telah dicetuskan oleh Arne Naess melalui perspektif Islam. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan prinsip Islam sebagai sumber utama dalam mempraktikkan etika Islam itu sendiri menjadi asas kepada sumber rujukan kajian ini. Hasil dapatan kajian ini ialah mendapati bahawa prinsip ekologi dalam dapat memberikan pandangan yang hampir tepat dengan sudut pandang Islam. Ini dilihat kepada prinsip dan nilai yang terdapat di dalam Islam itu sendiri dapat melestarikan alam sekitar sekaligus memberi sudut pandangan yang berbeza dalam membawa isu alam sekitar ini. Walaupun demikian, artikel ini berbeza sekali dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji kerana kajian artikel ini lebih kepada kajian suatu pandangan perspektif Islam yang berteraskan kepada lapan prinsip ekologi dalam yang dicetuskan oleh Arne Naess. Berbanding kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji iaitu pengkaji akan mengkaji dari sudut penelitian unsur alam dalam novel berdasarkan kepada analisis ekologi iaitu dari sudut luaran dan dalaman yang dicetuskan oleh William Howarth (1994).

Kajian yang berikutnya ialah kajian yang dilakukan oleh Witrin Gamayanti (2014), yang bertajuk “Usaha bunuh diri berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner”. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran dinamika terjadinya usaha bunuh diri berdasarkan kepada Teori Ekologi Bronfenbrenner, iaitu mikrosistem, makrosistem,

ekosistem, kronosistem dan ontogenic sistem. Kajian artikel ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan method studi kasus. Hasil kajian ini ialah mengenai usaha bunuh diri dan Teori Ekologi Bronfenbrenner iaitu dari aspek perbincangan mikrosistem, kronosistem dan ontogenic sistem. Walaupun begitu, artikel ini berbeza dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji di mana kajian ini adalah mengenai kajian usaha bunuh diri yang berpandukan kepada Teori Ekologi Bronfenbrenner. Manakala, kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji adalah kajian tentang penelitian unsur alam dalam novel: Analisis Ekologi yang berpandukan kepada Teori Ekologi menurut William Howarth (1994).

Selain sarjana-sarjana lain berkenaan, terdapat juga beberapa sarjana lain telah menjalankan penganalisaan terhadap unsur alam dengan mengaplikasikan teori ekologi dalam kajian. Antaranya adalah Ira Rahayu & Dian Permana Putri (2015). Melalui jurnalnya yang bertajuk “Kajian Sastra Ekologi (Ekokritik) terhadap Novel *Sebuah Wilayah yang tidak ada di Google Earth* karya Pandu Hamzah”. Kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti dan mengetahui bentuk pandangan ekologi dalam Novel *Sebuah Wilayah yang tidak ada di Google Earth* (SWYTADGE). Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis data dalam novel. Hasil analisis kajian ini mendapati bahawa novel ini banyak menekankan tema yang berhubungan dengan pelestarian lingkungan dan banyak menonjolkan usaha penolakan warga kaki Gunung Ciremai terhadap kegiatan eksplorasi geothermal Gunung Ciremai. Pendekatan yang digunakan oleh Ira Rahayu & Dian Permana Putri yang berdasarkan pendekatan persektif ekologi Donelle N. Drees (2002) juga berbeza dengan pendekatan yang bakal digunakan dalam kajian ini nanti iaitu prinsip William Howarth (1994).

Sementara itu, kajian yang dilaksanakan oleh Novita Dewi (2016), Program Magister Kajian Bahasa Inggeris yang berkisarkan mengenai “Ekokritik dalam sastera

Indonesia: Kajian sastra yang memihak”. Tujuan artikel ini adalah meneliti kajian Sastra Indonesia melalui pandangan Eko Kritik bagi mempamerkan hak pada perubahan sosial. Kajian ini membincangkan sebuah ragam kajian Sastra Indonesia iaitu sastra bernuansa kitaran hidup berpandukan kepada kritik sastra yang secara polisi kontekstual dan memihak. Sastra kitaran hidup dapat diteliti dengan adil dan kesan sosialnya sehingga menimbulkan pengetahuan yang bermanfaat dan rujukan. Oleh itu, kajian ini berbeza sekali dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu artikel ini mengkaji tentang ekokritik dari sudut ekokritik, keadilan ekologis dan pembacaan kritis. Manakala, kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah mengenai penelitian unsur alam dalam novel yang bersandarkan kepada analisis ekologi iaitu berpandukan kepada empat prinsip ekokritik antaranya ialah ekologi, bahasa, etika dan kritikan.

Dalam pada itu, kajian PhD Tesis yang dilakukan oleh Noralina Omar (2016) yang bertajuk “Ekologi keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak miskin di Malaysia”. Kajian ini mengkaji pengaruh ekologi keluarga kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak. Kajian ini diteliti berlandaskan kepada Teori Ekologi Manusia. Kajian ini mengenakan kaedah gabungan penerangan berentetan. Pemilihan ilustrasi dilakukan berpandukan kepada dua peringkat iaitu kaedah persampelan rawak ringkas untuk memutuskan posisi kajian serta tata cara persampelan rawak sistematik untuk memastikan ilustrasi kajian. Berlandaskan kepada hasil kajian ini menampilkan kanak-kanak dalam kajian ini memiliki tahap kesejahteraan hidup yang besar. Kajian ini berguna kerana hasil penemuannya boleh dijadikan input, petunjuk serta panduan bermanfaat dalam sebarang usaha buat mengubahsuai Dasar Perlindungan Kanak-kanak dan juga usaha-usaha buat merancang program intervensi sosial yang lebih berkesan untuk membenarkan ekologi keluarga boleh diperkasakan dan kesejahteraan anak-anak terus terpelihara. Meskipun begitu, kajian ini sangat berbeza dengan kajian yang bakal dilakukan nanti. Hal ini kerana

kajian ini mengkaji mengenai pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan hidup kanak-kanak dengan menggunakan Teori Ekologi Manusia dan pendekatan ekologi keluarga. Manakala, kajian yang dilakukan oleh pengkaji akan mengkaji mengenai penelitian unsur alam dalam novel dengan berpandukan kepada teori ekologi menurut penelitian unsur alam dalam novel dengan berpandukan kepada teori ekologi menurut William Howarth (1994) dan berdasarkan kepada empat prinsip William Howarth iaitu prinsip ekologi, prinsip bahasa, prinsip etika dan prinsip ekokritik.

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Yosi Wulandari (2017), kajiannya yang bertajuk “*Kearifan Ekologis Dalam Lagenda “Bujang Sembilan” (Asal usul Danau Maninjau)*”. Kajiannya bertujuan bagi mendefinisikan nilai-nilai yang dituturkan dalam lagenda “Bujang Sembilan” teratur dengan kearifan ekologis dan peranan yang berlatarbelakangkan fizikal dalam turutan lagenda “Bujang Sembilan”. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah perpustakaan dan informasi kajian ini berupa kata, frase, klausa yang ditafsirkan sebagai kearifan ekologi yang terkandung di dalam teks tersebut. Hasil maklumat yang dihimpunkan didapati pengkaji menggunakan teknik kenalpasti data yang berpandukan kepada teori ekologi sastera. Walaupun demikian, kajian yang dilakukan dalam kajian ini tidak serupa dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji kelak. Hal ini kerana kajian tentang Teori Ekologi Sastera di dalam artikel ini telah mengkaji tentang kearifan ekologi yang berupa kata, frase, klausa atau kalimat. Berbanding dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji, kajian yang akan dilakukan hanya akan melibatkan kajian penelitian unsur alam dalam novel yang akan digunakan dengan berpandukan hasil kajian iaitu analisis ekologi.

Tambahan pula, kajian yang dilakukan oleh Aulia Nabila (2018) yang bertajuk “Pencemaran Laut Dalam Anime *Gake No Ue No Ponyo* oleh Hayao Miyazaki: Kajian laut dalam Anime *Gake No Ue No Ponyo* oleh Miyazaki: Kajian Ekokritik Sastera dengan

Ekokritik Sastera”. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sebab dan akibat pencemaran menggunakan dua teori yang berbeza iaitu Teori Ekokritik sebagai teori utama dan Teori Anime Brenner untuk menganalisis watak-watak dan simbol-simbol visual yang terdapat dalam anime. Tesis ini menggunakan kaedah penulisan kualitatif deskriptif dengan mengumpulkan data yang berupa data dalam bentuk gambar dan dialog yang berhubungan dengan sebab dan akibat pencemaran laut dalam Anime *Gake No Ue No Ponyo*. Hasil analisis ini terdapat tiga penyebab pencemaran laut di anime *Gake No Ue No Ponyo* iaitu yang pertama pencemaran berasaskan tanah yang disebabkan oleh sisa pepejal isi rumah. Kedua, pencemaran laut yang disebabkan oleh minyak. Ketiga, pencemaran laut akibat pengaruh suhu udara yang dipengaruhi oleh sisa pepejal. Dari ketiga-tiga sebab pencemaran laut ini menyebabkan tiga kesan buruk. Walaupun demikian, tesis ini mengkaji tentang ekokimia, pencemaran laut, pengkritik alam sekitar dan anime dengan menggunakan dua teori iaitu teori ekokritik dan teori anime Brenner. Berbanding, kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji iaitu kajian penelitian unsur alam dalam novel dengan menganalisis ekologi menggunakan satu sahaja teori iaitu ekologi sahaja.

Di samping itu, kajian yang berikutnya ialah kajian oleh Unik Hanifah Salsabila (2018) yang membincangkan tajuk kajian “Teori Ekologi Bronfenbrenner sebagai sebuah kajian Teori Ekologi Brofenbenner. Hasil dapatan kajian ini adalah membahaskan teori Ekologi Brofenbenner iaitu terdiri daripada lima sistem lingkungan berlapis yang saling berhubungan iaitu mikrosistem, ekosistem, mesosistem, makrosistem dan kronosistem. Malahan pula, artikel ini juga mengkaji perkembangan kurikulum Pendidikan Agama Islam dalam kajian Teori Ekologi Bronfenbrenner dan subsistem budaya sekolah. Walaupun demikian, jurnal ini amat bebeza sekali dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji kerana kajian ini mengkaji Teori Ekologi Bronfrenbrner sebagai sebuah

pendekatan dalam perkembangan kurikulum Pendidikan Agama Islam. Manakala, kajian yang akan dilakukan kelak oleh pengkaji mengenai penelitian unsur alam dalam novel dengan berpandukan kepada analisis ekologi yang berpandukan kepada keempat-empat prinsip Teori Ekologi daripada tokoh William Howarth (1994).

2.3 Kesimpulan

Secara kesimpulanya, berpandukan kepada tinjauan kajian lepas yang telah banyak pengkaji melaksanakan kajian berhubung dengan unsur alam dalam hasil karya sastera dan kajian mengenai Teori Ekologi dalam karya sastera. Semua kajian ini adalah berkait dengan pemikiran dan isu permasalahan yang terkandung di dalam karya sastera yang terpilih dan kajian mengenai Teori Ekologi dalam karya sastera. Setiap pemikiran unsur alam dan isu permasalahan kajian yang dinyatakan adalah tidak sama mengikut keutamaan dan gabungan yang timbul di dalam novel tersebut. Penelitian unsur alam menjadi tunjang utama dalam sesuatu hasil karya sastera akan menjadikan sesebuah karya itu lebih bermutu kerana di dalamnya terkandung pelbagai ilmu, maklumat dan menjadi panduan kepada pembaca.

BAB 3

DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan mengulas mengenai kritikan ekologi Kesusasteraan Melayu. Pada bahagian bab ini juga, pengkaji akan menjelaskan mengenai definisi dan konsep “ekologi” dan “kritikan eko” menurut pandangan tokoh-tokoh. Bab ini juga turut mengulas mengenai definisi kritikan ekologi mengikut aliran William Howarth. Pada pengakhiran bab ini, pengkaji akan membincangkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam teori ekologi yang berpandukan kepada kritikan ekologi terhadap aliran William Howarth. Malahan juga, pada bahagian ini juga pengkaji akan menghuraikan definisi prinsip-prinsip dan kerangka yang diaplikasikan di dalam analisis kajian iaitu pada bab 4, diantara prinsip-prinsipnya ialah “ekologi”, “etika”, “bahasa”, dan “kritikan” yang akan diaplikasikan di dalam hasil analisis kajian yang terkandung di dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah.

3.1 Definisi ekologi dan kritikan eko.

Apa itu yang dikatakan ekologi? Ekologi berasal daripada perkataan Yunani iaitu “Oikos” bermaksud habitat manakala “logos” pula bermaksud ilmu. Ekologi merupakan ilmu yang mempelajari hubungan antara organisma dengan lingkungan yang lainnya. Istilah ekologi ini sudah mula berkembang sebelum masihi lagi iaitu bermula pada tahun 1700-an sehinggalah abad ke-20 di mana istilah ekologi ini masih digunakan. Istilah ekologi ini telah diciptakan oleh William Rueckert dan Teori Ekologi ini mula diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner pada tahun 1979. Terdapat beberapa tokoh yang memberikan pendefinisian mengenai ekologi antaranya ialah William Howarth, Ernst Haeckel, G. Tyler Miller, EP Odium dan Gomides. Antara definisi dan konsep yang di


kemudian oleh tokoh-tokoh di atas ialah konsep ekologi yang didefinisikan oleh William Howarth (1996: 71) yang menyatakan bahawa ekologi adalah saling hubung kait antara semula jadi dan budaya. Alam semula jadi tidak hanya berhubungan dengan manusia tetapi juga turut berhubungan dengan organisma lain.

Selain daripada itu, menurut Ernst Haeckel (1866), beliau telah memberikan pendefinisan tentang ekologi iaitu ekologi ini dikatakan sebagai satu badan pengetahuan masalah ekonomi iaitu menyelidiki hubungan haiwan termasuk organik atau bukan organik persekitaran sama ada yang baik atau memudaratkan kaitan antara haiwan dan tumbuhan secara langsung atau tidak langsung. Makna ekologi adalah kajian mengenai interaksi timbal balik antara organisma dengan organisma lain dan persekitarannya (G. Tyler Miller, 1975). Seterusnya, ekologi menurut EP Odium (1963) adalah kajian mengenai struktur dan fungsi alam. Manakala, bagi definisi kritikan eko pula dapat didefinisikan sebagai kritikan eko sebagai bidang kajian yang menganalisis dan menghadirkan karya-karya seni serta memunculkan permasalahan moral tentang interaksi manusia dengan alam semulajadi, pada masa yang sama pula memotivasikan khalayak pembaca bagi hidup dalam batas tertentu yang bakal mengikut generasi ke generasi (Gomides, 2006).

Seterusnya, ketika memperkenalkan kritikan eko terhadap khalayak, menurut Glotfelty (1996) telah mendefinisikan kritikan eko adalah kajian yang mengkaji hubungan antara sastera dengan alam sekitar fizikal. Bagaimanapun, secara lebih eksklusif, perkataan alam sekitar merujuk kepada fenomena fizikal sama ada secara biotik mahupun abiotik yang melingkupi suatu organisma. Malahan juga, alam sekitar juga dapat diklasifikasikan sebagai flora dan fauna. Fenomena ini termasuklah cuaca dan iklim. Sepertimana yang kita ketahui bahawa definisi alam sekitar ini turut tergolong dalam fenomena sekeliling yang berlaku sama ada secara fizikal ataupun tidak. Antara

fenomena sekeliling yang bukan fizikal ialah yang tidak mempunyai batasan tertentu seperti udara, air, iklim, tenaga, dan sinaran yang tidak ada hasil daripada perbuatan manusia. Selain daripada itu, pengertian alam sekitar dari perspektif pengajian keagamaan menyatakan bahawa alam sekitar ini tidak hanya terhad kepada alam sekitar nyata sahaja, malah juga alam sekitar metafizikal yang dikaitkan dengan kuasa tuhan.

Disamping itu, berdasarkan kepada pendefinisian tentang ekologi yang telah dihuraikan diatas menurut tokoh-tokoh tersebut iaitu tokoh William Howarth, tokoh Ernst Haeckel, tokoh G. Tyler Miller, tokoh EP Odium dan tokoh Gomides. Pengkaji hanya akan memilih salah satu daripada tokoh-tokoh tersebut iaitu pengkaji memilih tokoh daripada William Howarth sebagai landasan bagi membincangkan hasil analisis kajian yang akan dilakukan kelak. Hal ini demikian kerana pengkaji merasakan bahawa tokoh William Howarth ini boleh dijadikan panduan kepada pengkaji dalam melakukan hasil analisis kajian nanti kerana prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh tokoh William Howarth ini boleh diaplikasikan dalam hasil kajian pengkaji nanti. Berikut merupakan empat prinsip yang dikemukakan oleh tokoh yang cukup terkenal iaitu William Howarth (1994):



Rajah 3.1: Prinsip-prinsip dalam Teori Ekologi oleh William Howarth

3.2 Kritikan Ekologi menurut William Howarth

Sepertimana yang kita ketahui bahawa terdapat pelbagai teori-teori kritikan sastera yang lain, namun begitu, di dalam kajian ini pengkaji akan menfokuskan kepada teori ekologi atau lebih dikenali sebagai ekokritik yang terdapat prinsip-prinsipnya yang tersendiri. Menurut William Howarth (1994) yang menyatakan bahawa kritikan ekologi ini terbahagi kepada beberapa prinsip yang saling berkaitan dengan kritikan ekologi antaranya ialah “ekologi”, “etika”, “bahasa” dan “kritikan”. Berdasarkan kepada hasil kajian di dalam sesebuah karya sastera ini haruslah mempunyai landasan bagi melancarkan dan melicinkan analisis kajian yang akan dilaksanakan nanti. Hal ini demikian kerana bagi perlambangan dan simbolik kepada teks sastera itu tidak cukup jika sekadar mengeluarkannya sahaja, analisis kajian ini memerlukan pendekatan atau prinsip bagi memperkembangkan lagi dan memperkukuhkan lagi kajian ini terhadap kajian berkaitan dengan sesebuah teks tersebut. Kritikan eko ini memerlukan pendekatan atau prinsip yang lebih efisien, lebih inklusif, dan juga turut terdapat satu kaedah analisis teori yang mempunyai pelbagai isu tentang alam sekitar.

Berdasarkan kepada pendefinisian, konsep dan pandangan tokoh-tokoh di atas, jelaslah bahawa ekologi ini mempunyai banyak konsep dan maksudnya yang tersendiri berpandukan kepada pandangan-pandangan daripada beberapa tokoh diatas. Bagi menyelesaikan hasil kajian ini pengkaji akan menggunakan Teori Ekologi daripada tokoh William Howarth di mana tokoh William Howarth ini telah mengemukakan sebanyak empat prinsip atau pendekatan dalam menghubungkan kritikan ekologi tersebut antara prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh William Howarth ialah prinsip ekologi, prinsip yang kedua pula ialah prinsip etika, prinsip ketiga pula ialah prinsip bahasa dan prinsip yang terakhir ialah prinsip kritikan. Menurut William Howarth (1996) berpendapat bahawa bahasa dan kritikan adalah dua daripada prinsip kritikan ekologi iaitu teori

bahasa mengkaji bagaimana perkataan mewakili kehidupan manusia dan bukan manusia. Kritikan menilai kualiti dan integriti karya dan mempromosikan penyebarannya”.

Seterusnya, antara prinsip atau pendekatan pertama yang dikemukakan oleh William Howarth ialah prinsip ekologi. “*Ecology describes the relations between nature and culture*”. Alam semula jadi tidak hanya berinteraksi dengan manusia tetapi juga dengan organisma lain (William Howarth, 1996: 71). Ekologi manusia yang meneliti ekosistem merupakan salah satu daripada cabang ekologi yang terjadi akibat kesan daripada perbuatan manusia. Apa itu yang dikatakan ekosistem? Ekosistem ini adalah sesuatu unit asas yang terdapat hasil daripada tindakan antara komponen abiotik dan biotik, misalnya, tanah runtuh, banjir kilat, banjir lumpur, sungai yang tercemar, pencemaran udara, bunyi dan sebagainya. Sepertimana yang kita ketahui ekosistem terbahagi kepada beberapa komponen antaranya ialah abiotik, biotik, penghurai, pola makanan, faktor, pemahaman, pakar dan unit hidup.

Selain daripada itu, bagi prinsip yang kedua ialah prinsip etika. Etika ekologi dapat difahami dengan berpandukan kepada dua lingkungan *environmentalis* yang terbahagi pula kepada dua pergerakan iaitu ‘*deep ecological movement*’ dan ‘*shallow ecological movement*’. Istilah ‘*deep ecological movement*’ ini sebenarnya telah diwujudkan oleh Arne Naess yang merupakan salah seorang tokoh falsafah dari Norway (Campbell, 1996: 132). ‘*Deep ecological movement*’ merupakan etika yang memerihalkan setiap unsur alam sekitar itu yang saling berkaitan antara satu sama lain dan manusia harus menjaga hubungan ini. Manakala, pergerakan yang berdasarkan kepada ‘*shallow ecological movement*’ sudah nyata ianya bertentangan dengan ‘*deep ecological movement*’. ‘*Shallow ecological movement*’ ini membawa maksud memiliki perilaku dan kegiatan yang menuju kepada yang memusnahkan alam sekitar sehingga memunculkan krisis yang membawa ancaman kepada kesejahteraan manusia.

Di samping itu, bagi prinsip yang ketiga dan keempat pula ialah prinsip bahasa dan kritikan. William Howarth telah mengemukakan kritikan dan bahasa sebagai dua prinsip yang berasingan, namun pengkaji berpendapat bahawa kedua-dua prinsip ini boleh digabungkan supaya dapat menambahkan lagi kefahaman tentang kritikan eko dan aplikasi ke atas teks kajian. Menurut William Howarth, beliau mengungkapkan bahawa bahasa merupakan alat yang digunakan bagi menghujahkan kehidupan manusia dan kehidupan bukan manusia. Menerusi kajian sastera, permasalahan alam sekitar yang timbul dapat disampaikan secara kreatif iaitu disampaikan dengan menggunakan gaya bahasa yang indah dan sesuai dengan hakikat sastera sebagai seni bahasa yang cantik atau tersusun. Manakala, dalam aspek ekokritik ianya berhubung dengan permasalahan yang berkaitan dengan etika ekologi dan ekologi. Oleh itu, kritikan eko sangat mementingkan kualiti karya sastera dengan merujuk kepada gaya bahasa yang diaplikasikan dalam sesuatu teks sastera itu.

3.3 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapat disimpulkan disini bahawa teori ekokritik ini merupakan sebuah teori yang merujuk kepada alam sekitar. Walaupun kajian tentang alam sekitar dalam teks sastera telah dilaksanakan oleh para pengkaji di Malaysia, kajian berkenaan tidak dilabelkan sebagai kritikan eko iaitu “alam sekitar fizikal” yang cuma berfokuskan kepada analisis terhadap persekitaran dalam karya dari aspek fizikal sahaja. Selari dengan transformasi masa kini, kritikan eko yang lebih luas rangkumannya oleh tokoh-tokoh pengkritik ekologi sudah menguatkan lagi teori ini kepada ruang lingkup yang lebih besar. Menurut William Howarth (1994), beliau telah menetapkan empat prinsip kritikan ekologi antaranya ialah ekologi, bahasa, etika dan kritikan yang menekankan kepada aspek apa yang berlaku terhadap alam sekitar.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan mengulas tentang analisis kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu mengenai penelitian unsur alam dalam novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah. Pada bahagian permulaan bab ini, pengkaji akan memberikan pendefinisian tentang apa itu yang dikatakan sebagai 'alam' atau lebih dikenali sebagai 'alam sekitar'. Selain itu, pada bahagian pertengahan bab ini pula, pengkaji akan melakukan perbincangan terhadap topik yang akan diulaskan dengan lebih mendalam tentang penelitian unsur-unsur alam yang terkandung di dalam novel *Suriati* karya Azizi Hj Abdullah. Selain itu, pengkaji juga akan membincangkan maksud-maksud yang tersirat oleh Azizi Hj Abdullah terhadap unsur alam yang terkandung di dalam novel *Suriati* dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip ekologi dengan berpandukan kepada teori ekologi oleh aliran William Howart. Pada pengakhiran bab ini, pengkaji akan membuat sedikit kesimpulan untuk hasil perbincangan analisis kajian teks yang telah dibincangkan.

4.1 Definisi Konsep Alam

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016: 30) menyatakan bahawa alam ialah segala yang ada di langit dan di bumi seperti bumi, bintang-bintang, tenaga-tenaga yang ada dan sebagainya. Selain itu, alam juga dapat dedefinisikan sebagai alam jumatara termasuk bintang-bintang dalam bima sakti, badan-badan yang terdapat di dalam sistem suria, bintang-bintang dan galaksi-galaksi di jumatara serta angkasa di antaranya (*Ensiklopedia Sains*, 1979: 7).

Sehubungan dengan itu, alam pada pemikiran Islam pula merupakan suatu yang terdapat maupun yang dikira oleh manusia di dunia ini tidak hanya Allah serta zat beserta sifat- Nya. Menurut Al-Ghazali, alam ini dapat dibezakan dengan dua jenis iaitu alam ghaib dan alam syahadah. Alam syahadah dapat dilihat dalam makna Inggeris disebut sebagai *universe* ataupun makna dalam sehari-hari yang lebih dikenali sebagai alam semesta (Savira Rosalia Hihola & Christian Siregar, 2020: 1). Malahan juga, alam syahadah juga dikenali sebagai alam fizikal, hal ini demikian kerana alam ini merupakan alam yang dapat dilihat oleh pancaindera manusia, disentuh sama ada dengan menggunakan alat ataupun tidak. Manakala alam ghaib pula merupakan alam yang tidak boleh dilihat oleh penglihatan manusia dan tidak boleh disentuh oleh manusia.

4.2 Unsur-Unsur Alam Yang Terkandung Di Dalam Novel *Suriati*.

4.2.1 Alam Flora

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 413)*, flora didefinisikan sebagai (bio) keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat disesuatu daerah atau pada sesuatu masa. Selain itu, flora pula merupakan seluruh kategori tumbuh-tumbuhan serta tanaman yang terdapat di muka bumi ini. Sebagai pengetahuan umum, angrek, raflesia Arnoldi, beringin, Pinus serta Palma itu adalah contoh dari alam flora.

a) Bunga

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 221)*, bunga adalah suatu ungkapan yang terdiri daripada kiasan (simpulan bahasa dan peribahasa untuk memperindah percakapan). Hal ini dapat dilihat melalui novel *Suriati* karya Azizi Hj Abdullah di mana, pengarang cuba memasukan elemen unsur alam “bunga” di dalam penulisannya supaya ianya menjadi lebih menarik apabila di baca dan sebagai bahan

kiasan di dalam penulisannya seperti petikan di bawah:

Apabila dia duduk di kerusi, sebelum dia membuka sebuah buku ‘Islam’ karangan Fazlur Rahman, mata kami bertembung. Luruh berguguran awan gemawan di langit dan terbelah kebiruan, lalu menerkam alun debar yang maha dahsyat. Dia memberi senyuman padaku. Nyatalah sekuntum **bunga** telah terkulai di depanku. Dan apabila kami sama-sama memegang buku, judulnya masing-masing diperhati. Pertukaran judul menjadi kami senyum semula.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 157)

Berdasarkan petikan di atas, sumber menggambarkan pengarang menggunakan unsur alam flora di dalam penulisannya. Frasa “Nyatalah sekuntum bunga telah terkulai di depanku” sudah terang lagi bersuluh menggambarkan bahawa pengarang cuba memasukkan elemen unsur alam flora iaitu “bunga” di dalam hasil penulisannya. Hal ini kerana perkataan bunga itu sendiri sudah membawa maksud yang tersirat dan terbukti menggambarkan bahawa penggunaan bahasa kiasan di mana pengarang ingin menyampaikan bahawa sekuntum bunga itu merujuk kepada seseorang gadis yang tersipu malu apabila bertentangan mata dengan seorang jejaka yang dia minati.

b) Pokok

Pokok merupakan sejenis tumbuh-tumbuhan berkayu yang hidup di alam tumbuhan ataupun lebih dikenali sebagai alam semesta. Pokok juga dapat ditakrifkan sebagai sejenis tumbuhan sekiranya tumbuhan tersebut mempunyai daun, dahan, akar dan batang. Perkataan pokok dapat dilihat menerusi novel yang bertajuk *Suriati*. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan berikut:

“Taklah berapa lama.” Kata Suriati yang cuba mengambil hati Anuar. Padahal dia sudah menunggu hampir setengah jam. Di bangku yang didudukinya di bawah **pokok** tepi padang bola itu tidak ada orang lain. Orang ramai lebih suka duduk di tepi tembok sambil makan-makan sotong atau rojak mamak.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 63-64)

Berdasarkan kepada petikan di atas, sumber memperlihatkan bahawa watak Suriati sedang duduk di bangku yang berteduhkan di bawah sepohon pokok yang berada di tepi padang bola yang tiada sesiapa pun di situ hanya dia sahaja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan perkataan unsur alam “pokok” itu sendiri jelas menggambarkan bahawa pengarang cuba untuk memasukkan unsur alam flora terhadap penulisannya supaya pembaca dapat menggambarkan atau membayangkan situasi ataupun peristiwa yang berlaku di situ dengan berlatar belakang unsur alam flora.

c) Padi

Padi adalah sejenis tumbuhan iaitu rumput yang buahnya dijadikan sebagai beras (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 1111*). Hal ini dapat dilihat menerusi novel *Suriati* karya Azizi Hj Abdullah di mana, pengarang cuba memasukan elemen unsur alam “Padi” di dalam hasil karyanya di mana kita dapat lihat menerusi petikan di bawah:

Bajakkan saya sawah di sana
Padi ditanam untuk setahun
 Ajakan tuan saya terima
 Untuk kutambat jiwa meruntun

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 47)

Berdasarkan petikan di atas, sumber pantun tersebut menggambarkan pengarang menggunakan unsur alam flora di dalam penulisannya. Frasa “Padi ditanam untuk setahun” sudah cukup menggambarkan bahawa pengarang cuba memasukkan elemen unsur alam flora iaitu “padi” di dalam hasil penulisannya. Hal ini demikian kerana sepertimana yang kita ketahui bahawa pantun-pantun Melayu banyak menggunakan unsur alam di dalam sesuatu pembentukan dan pembinaannya kerana unsur alam sangatlah akrab dengan masyarakat Melayu. Dalam erti kata lain, orang-orang Melayu acap kali mengambil unsur-unsur alam di sekeliling mereka untuk melambangkan dan

mengantikan sesuatu maksud itu sendiri.

d) Buah

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 206)*, buah membawa maksud benda yang menyerupai buah tertentu, Sepertimana yang kita tahu bahawa dalam bidang pertanian, buah ialah ovari yang sudah masak serta memiliki bijinya yang terhasil daripada sesebuah pokok yang berbunga. Tetapi, apabila kita bercakap tentang buah dari aspek masakan yang didefinisikan dengan buah merupakan hasil daripada pokok- pokok yang boleh dimakan begitu sahaja. Terdapat, sesetengah buah pula boleh dikatakan sebagai sayur- sayuran. Oleh itu, perkataan buah dapat dilihat menerusi novel yang bertajuk *Suriati*. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan berikut:

Pucuk lemuni daun kemudi
Buah saga di luar kota
 Adik di sini abang di sana
 Bagaimana hendak memulakan kata?

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 154)

Berdasarkan petikan di atas, sumber pantun tersebut menggambarkan pengarang menggunakan unsur alam flora di dalam penulisannya. Frasa “Buah saga di luar kota” sudah terbukti menggambarkan bahawa pengarang cuba memasukkan elemen unsur alam flora iaitu “Buah Saga” di dalam hasil penulisannya. Hal ini demikian kerana kebanyakan pembayang bagi pantun akan menggunakan unsur alam di mana ianya amatlah berkait rapat dengan kehidupan seharian kita. Selain itu, juga dengan memasukan elemen unsur alam dalam pantun ianya akan mencantikan lagi bahasa dan memberikan intonasi apabila seseorang itu menuturkan pantun tersebut.

e) Daun-daun Kering

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 320)*, daun bermaksud bahagian tumbuh-tumbuhan yang biasanya leper dan nipis, berwarna hijau dan tumbuh di dahan. Manakala daun-daun kering membawa maksud daun-daun yang sudah mengering atau yang sudah tua atau keperang-perangan di atas pokok lalu jatuh berguguran di atas tanah. Hal ini dapat dilihat menerusi novel yang bertajuk *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah seperti di dalam petikan di bawah:

Pagi itu amat cerah. Panasnya mencecah di mana-mana, sehingga ke halaman rumah yang aku sewa di Jalan P. Ramlee. Basah tanah embun semalam masih nampak. **Daun-daun kering** yang berguguran, belum lagi disapu oleh pekerja bandaran. Kereta di jalanan semakin banyak pergi balik.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 49)

Berpandukan kepada petikan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa pengarang menggunakan unsur alam flora di dalam penulisannya. Sepertimana yang dapat lihat menerusi frasa “Daun-daun kering yang berguguran, belum lagi disapu oleh pekerja bandaran”. Hal ini ternyata jelas menunjukkan bahawa penggunaan perkataan unsur alam flora “daun-daun kering” itu sendiri jelas menggambarkan bahawa pengarang cuba untuk memberi gambaran bahawa seperti kebiasaannya pekerja bandaran akan membersihkan daun-daun kering yang berguguran di kawasan rumah sewa di Jalan P. Ramlee.

4.2.2 Alam Fauna

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 408)*, fauna merupakan (bio) seluruh binatang yang hidup di sesuatu daerah tertentu. Selain itu juga, fauna merujuk kepada semua kehidupan binatang yang terdapat di kawasan atau masa tertentu. Ahli zoologis dan ahli paleontologi menggunakan fauna untuk merujuk kepada koleksi

khas binatang yang terdapat pada waktu atau kawasan tertentu sebagai contohnya “*Sonoran Desert*” atau fauna “*Burgess Shale*”.

a) Ikan

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 561)*, ikan merupakan sejenis binatang yang hidup di dalam air dan bernafas melalui insang dan bertulang belakang. Selain itu, ikan juga mempunyai sisik yang berlendir, mempunyai sirip untuk berenang, membiak melalui telur dan ikan juga merupakan haiwan yang berdarah sejuk. Terdapat penggunaan unsur alam fauna “ikan” yang digambarkan oleh pengarang di dalam novel yang bertajuk *Suriati* karya Azizi Hj Abdullah seperti di dalam petikan di bawah:

Tiba-tiba bapa ketawa. Ketawa sungguh-sungguh. Itulah juga kali pertama aku melihat bapa kecewa di depanku. Mulutnya yang ternganga dengan dongakan muka dan aku nampak anak lidahnya terkodek-kodek macam anak **ikan sembilang** di atas upih. Apa yang menyebabkan bapa begitu lucu aku tidak tahu.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 30)

Berdasarkan kepada petikan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa dengan penggunaan unsur alam fauna iaitu pada frasa “Mulutnya yang ternganga dengan dongakan muka dan aku nampak anak lidahnya terkodek-kodek macam anak **ikan sembilang** di atas upih”. Dapat dilihat disini bahawa pengarang menggunakan unsur fauna iaitu anak ikan sembilang sebagai perumpamaan terhadap keadaan apabila bapa Anuar ketawa terbahak-bahak sehinggakan menampakkan anak lidah bapanya seperti anak ikan sembilang yang terkapai-kapai di atas upih kerana kekurangan oksigen.

b) Kuda

Kuda adalah sejenis binatang besar berkaki empat yang dipelihara untuk kenaikan iaitu sebagai pengangkutan dan lain-lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*,

2016: 839). Manakala, menurut wikipedia.org kuda ialah sejenis mamalia ungulat besar yang memiliki bilangan jari kaki yang ganjil dan merupakan salah satu daripada 10 spesis moden dalam keluarga Equus. Nama saintifiknya ialah *Equus caballus* ataupun *Equus ferus caballus*. Sepertimana yang anda tahu bahawa kuda ialah salah satu haiwan bela jinak yang memberi kepentingan kepada manusia sama ada dari segi ekonomi, serta memainkan peranan yang berguna dalam pengangkutan orang serta benda muatan selama beribu-ribu tahun. Hal ini dapat dibuktikan melalui novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah di mana yang terdapat di dalam contoh petikan di bawah:

“Kenapa kita dipanggil?” Tanyanya lagi sambil memerhati rambut Suriati yang panjang yang diikat seperti **ekor kuda**. Suriati putih dan badan sedikit gempal. Matanya bersinar galak. Entah kenapa sekali dua jantungnya terasa berdebar. Dia seperti dijentik oleh jejari Suriati.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 13)

Berdasarkan kepada petikan di atas, jelaslah dapat dilihat bahawa frasa “Tanyanya lagi sambil memerhati rambut Suriati yang panjang yang diikat seperti **ekor kuda**” membawa makna yang tersirat dari segi penggunaan unsur alam fauna yang digunakan oleh pengarang iaitu “ekor kuda”. Hal ini demikian kerana apa yang cuba disampaikan oleh pengarang ialah rambut Suriati yang panjang itu yang diikat itu dilihat macam ekor kuda. Sepertimana yang kita ketahui bahawa bentuk ekor kuda adalah lurus dan memanjang tirus dibawah. Begitulah rupa rambut Suriati yang cuba digambarkan oleh pengarang.

b) Rusa

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 1358)*, rusa membawa maksud sejenis binatang yang tanduknya bercabang-cabang dan memakan tumbuh-tumbuhan, menjangan. Rusa juga adalah seekor haiwan mamalia yang merupakan sebahagian

daripada kumpulan ruminan. Ia kebiasaanya mempunyai ketinggian kira-kira 1.30 meter dan boleh menimbang sehingga 200 kilogram, walaupun cirinya yang berbeza mengikut setiap subspeciesnya (erf-est.org, 2020). Hal ini dapat di lihat menerusi novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah iaitu pada petikan di bawah:

Betapapun aku amat yakin bahawa itu Masudah Steinmann, tetapi tapak kasutku seperti terpijak gam likat. Aku memerhati sekeliling kalau-kalau ada orang lain yang melihat keterpegunanku. Alangkah malunya aku kalau mereka melihatku bagaikan **seekor rusa** sesat. Tapi keterpegunanku seperti memberi ruang berfikir dan meneliti bentuk tubuhnya untuk aku jadikan watak utama dalam novelku.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 92)

Berdasarkan kepada petikan diatas, jelaslah menunjukkan bahawa frasa “Alangkah malunya aku kalau mereka melihatku bagaikan **seekor rusa** sesat”. Hal ini demikian kerana pengarang bijak menggunakan unsur alam fauna iaitu rusa sebagai gambaran bahawa seseorang itu berada dalam keadaan bigung dan tidak mempunyai hala tuju. Malah, kita dapat lihat bahawa perwatakan bapa Anuar ketika itu beranggapan bahawa dia akan malu jikalau ada orang lain yang melihatnya kaku disitu seperti seekor rusa yang sesat tak tahu kemana mahu ditujuinya.

d) Belut

Belut merupakan sejenis ikan yang panjang seperti ular dan licin serta ianya hidup di dalam lumpur (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 158*). Belut ini juga mempunyai nama saintifiknya iaitu *Fluta Alba*. Menurut Laison (2016), dari sudut fizikalnya, belut adalah spesies ikan udara air tawar yang menyerupai ular. Haiwan ini mempunyai bentuk memanjang, tidak bersirip dan bersisik serta mempunyai lapisan lendir di seluruh tubuhnya. Belut kebiasaannya akan dijumpai di perairan tanah tinggi hingga ke kawasan paya di tanah rendah, anak sungai dan terusan. Tidak seperti ikan-ikan yang lain, belut ini tidak dapat hidup dengan baik pada ruang udara sepenuhnya.

Oleh itu, unsur alam fauna “seekor belut” dapat dilihat di dalam petikan novel *Suriati* seperti di bawah:

Masudah Steinmann hilang dalam pusuan orang ramai. Sangat pantas langkahnya seperti **seekor belut**, dia terlepas daripada pandanganku.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 123)

Berdasarkan kepada petikan diatas jelaslah menunjukkan bahawa dengan penggunaan perkataan “seperti **seekor belut** sudah menggambarkan bahawa pengarang cuba untuk mengantikan perlakuan seseorang watak itu yang bergerak dengan lajunya dengan menerapkan unsur alam fauna di dalam penulisan novel *Suriati* agar para pembaca dapat memahami apa yang cuba disampaikan oleh pengarang terhadap perlakuan watak seorang wanita iaitu watak Masudah Steinmann yang bergerak se pantas kilat tanpa disedari oleh Anuar.

e) Kerbau Balar

Kerbau bermaksud sejenis binatang peliharaan yang seakan-akan lembu rupanya tetapi lebih besar dan kulitnya biasanya berwarna kelabu atau kehitam-hitaman (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 755*). Manakala menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 115)*, balar pula membawa makna manusia atau binatang yang lahir tanpa bahan pewarna semula jadi pada rambut dan kulit yang menyebabkan rambut dan kulit menjadi putih, bulai, sabun dan salih seperti kerbau balar. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di dalam novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah iaitu:

Seorang perempuan Inggeris datang dan mengambil tempat di sebuah kerusi tidak jauh dariku. Aku mengatakan dia berbangsa Inggeris kerana rambutnya berwarna perang, kulitnya putih kemerahan seperti **kerbau balar**. Matanya sendiri berpasak kebiruan. Dia berbaju kurung dan berkain batik. Aneh, seorang perempuan Inggeris berpakaian ala Melayu. Tapi itu bukan sesuatu yang pelik. Ramai pelancong berbuat begitu.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 156)

Berdasarkan kepada petikan diatas, sudah terbukti menunjukan bahawa pengarang cuba memasukkan elemen unsur alam fauna iaitu “Kerbau Balar” terhadap peristiwa yang tergambar di dalam petikan diatas. Hal ini demikian kerana pengarang cuba untuk menggambarkan rupa paras fizikal wanita yang berbangsa Inggeris itu yang mempunyai rambut yang perang, matanya berwarna kebiruan dan mempunyai kulit putih kemerah-merahan seakan-akan warna kulit seperti seekor kerbau balar yang berwarna putih kemerahan kulitnya.

4.2.3 Alam Fizikal / Inderawi

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 413)*, fizikal adalah bukan badan, jasmani dan bukan kebendaan atau keadaan alam semula jadi. Alam fizikal ini ialah satu lapisan dari seluruh alam semesta. Alam ini ialah alam yang dapat dilihat oleh pancaindera manusia, disentuh sama ada dengan menggunakan alat mahupun tidak. Ini termasuklah langit, bumi, awan, bulan, bintang, gunung, sungai, matahari, batu, tanah, pulau dan sebagainya.

a) Batu

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 136)*, batu bermaksud bahan galian pepejal yang bukan logam (tidak terbakar, tidak boleh ditempa, dan tidak hancur dalam air). Unsur alam fizikal batu dapat digambarkan menerusi novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah iaitu pada petikan di bawah:

“Anuar, tolong jangan bercakap soal cinta. Belum sampai masanya kita bercinta dan Yati tidak akan bercinta” tiba-tiba Suriati berkata lancar. Seketul anak **batu** dilempar ke dalam laut. Air laut yang menghempas **batu-batu** yang menjadi penyedal pasir pantai, sesekali memercik hingga ke atas.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 148)

Berpandukan kepada petikan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa frasa “Seketul anak **batu** dilempar ke dalam laut. Air laut yang menghempas **batu- batu** yang menjadi penyedal pasir pantai, sesekali memercik hingga ke atas” sudah terbukti pengarang cuba memasukkan elemen unsur alam fizikal “batu” ke dalam penulisannya. Hal ini demikian kerana pengarang ingin mengambarkannya melalui watak Suriati yang mengambil seketul batu untuk melepaskan perasaannya yang agak tidak senang dengan apa yang dipertuturkan oleh Anuar kepadanya.

b) Sungai

Sungai merupakan aliran air yang memanjang dan besar yang mengalir secara berterusan dari hulu menuju ke hilir. Selain itu, sungai juga merupakan salah satu bahagian dari *siklus hidrologi*. Air dalam sungai umumnya terkumpul dan terhasil dari presipitasi seperti hujan, embun, mata air, dan di beberapa negara tertentu juga berasal daripada cairan ais atau salji. Hal ini dapat dibuktikan dalam novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah menerusi petikan di bawah:

Selama enam tahun tinggal bersama bapa di **Sungai Pinang**, kami makan dengan cara membeli nasi di kedai. Kadang-kadang masak sendiri. Sudah enam tahun aku membasuh baju sendiri, kadang-kadang menghantar ke kedai dobi. Siapa lagi yang hendak memasak? Siapa yang sudi hendak mengemas rumah dan membasuh pakaianku?

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 27)

Berdasarkan kepada petikan diatas, jelas menggambarkan bahawa pengarang menggunakan elemen unsur alam fizikal “sungai” di dalam penulisannya pengarang ingin menggambarkan bahawa selama enam tahun Anuar tinggal dengan bapanya di Sungai Pinang dan mereka setiap hari hanya makan nasi bungkus sahaja. Hal ini dapat kita lihat menerusi perkataan “Sungai Pinang” di mana perkataan sungai kerana pengarang ingin menyampaikan sesuatu latar tempat tersebut. di mana itu adalah merupakan salah satu elemen unsur alam fizikal atau inderawi.

c) Hujan

Hujan ialah air yang turun atau menitik dengan banyaknya yang terpeluwap daripada wap di atmosfera (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 547*). Hujan juga boleh dikatakan sebagai satu fenomena cuaca. Hal ini dapat dilihat melalui novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah menerusi petikan di bawah:

Suriati berasa bagaikan sebaran **hujan** tengah hari membasahi kemarau rindunya selama ini. Sangat indah dan sangat mesra ucapan ‘anakku’ tadi. Apakah kata-kata itu kata-kata hati atau sekadar kata-kata berbahasa? Aneh, selain Anuar, kini magnetnya mencakuk kepada Marzuki pula.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 195)

Berdasarkan kepada petikan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa dengan penggunaan unsur alam fizikal “hujan” itu pengarang cuba memasukkan elemen hujan kedalam penulisannya kerana bagi menggambarkan bahawa perasaan tenang dan terharu Suriati pada ketika itu menyelubunginya dek kerana ucapan ‘anakku’ yang keluar daripada mulut Marzuki sendiri itu dapat mengubat rasa bertapa rindunya Suriati terhadap ayahnya yang sudah lama berpisah dan sudah lama dia tidak mendengar panggilan tersebut.

d) Tanah

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 1591)*, tanah merupakan lapisan bumi yang di atas sekali. Manakala, Danial Zainal Abidin (2014: 89) menyatakan bahawa tanah adalah suatu hamparan di atas bumi pecah yang terjadi suatu ketika dulu lalu terbentuk lautan dan sebahagian tanah berpisah dengan sebahagian yang lain sehingga terhasillah benua dan pulau seperti yang dilihat pada hari ini. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di dalam novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah iaitu:

Suriati memandang jauh ke laut. Direnungnya beberapa buah kapal yang tersadai. **Tanah** Seberang Perai nampak berbalam-balam.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 147)

Berdasarkan kepada petikan diatas, jelaslah menggambarkan bahawa dengan penggunaan frasa unsur alam fizikal “tanah” itu sudah cukup membuktikan bahawa penggunaan frasa unsur alam fizikal “tanah” bagi menggambarkan keadaan latar tempat bagi sesuatu situasi pada ketika itu. Malah, pengarang cuba untuk menyatakan makna yang tersirat di mana bagi menggambarkan keadaan ataupun suasana pemandangan yang dilihat oleh Suriati terhadap tanah di Seberang Perai itu di mana Suriati lihat kurang jelas kerana tempat itu berjauhan.

e) Gunung

Gunung ialah bukit yang besar dan tinggi lebih daripada 1 500 kaki atau 457.2 meter (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 491*). Manakala gunung adalah bentuk muka bumi yang terbentuk daripada rupa bumi di sekitar. Gunung kebiasaannya lebih tinggi dan curam daripada bukit. Terdapat penggunaan unsur alam fizikal “gunung” yang digambarkan oleh pengarang di dalam novel yang bertajuk *Suriati* karya Azizi Hj Abdullah seperti di dalam petikan di bawah:

Dua lelaki itu berbisik-bisik sama sendiri. Tentunya tentang aku apabila aku lihat mata merah mereka memandang padaku. Antara hendak minum ataupun beredar menjadi pertimbanganku. Penjual kopi datang menghampiriku memberi salam. Ahhh, aku menjadi serba salah. Sepanjang bacaanku, salam adalah budaya orang-orang Islam sedangkan aku tidak. Dan anehnya kalimah yang dilontarkan kepadaku seperti satu simbahan air dari **gunung**. Sejuk dan nyaman.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 141)

Berdasarkan kepada petikan diatas, sumber menggambarkan pengarang menggunakan unsur alam fizikal di dalam peulisannya. Frasa “Dan anehnya kalimah yang dilontarkan kepadaku seperti satu simbahan air dari **gunung**”, ini menunjukkan bahawa pengarang cuba untuk memberikan gambaran bahawa perasaan seseorang wanita yang bukan Islam itu sejuk dan nyaman seperti mana diibaratkan air dari gunung yang sejuk dan tenang ketika dia mendengar lontaran salam daripada penjual

kopi dan dia berasa terharu dengan ucapan tersebut walaupun dirinya bukanlah orang yang menganut agama Islam.

f) Asap

Asap ia adalah konsep bahasa Inggeris yang terbentuk dari kata-kata *smog* yang diterjemahkan sebagai “Asap” dan kabus “Kabut”. *Smog* atau asap adalah gabungan asap, kabus dan pelbagai zarah yang ada di dalam suasana tempat dengan kadar pencemaran yang tinggi. (erf-est.org). Manakala, menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 82)*, asap ialah gas yang kelihatan keluar dari benda yang dibakar (berkepul-kepul dan sebagainya naik ke udara). Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di dalam novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah iaitu:

KAWASAN rumah orang-orang tua itu seperti satu petaka yang tidak bersebab. Muram dan sepi, petang yang cerah, dikelabui sedikit pencemaran **asap** daripada longgokan sampah yang dibakar. Pokok-pokok teja yang rendang tidak bergerak. Angin seakan merajuk petang itu.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 227)

Berpandukan kepada petikan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa pengarang telah mengaplikasikan unsur alam fizikal iaitu “asap” terhadap penulisannya dengan cara mengantikan perkataan udara itu kepada asap supaya ianya akan memberikan sedikit kelainan. Hal ini demikian kerana pengarang juga ingin memberikan kesedaran terhadap masyarakat bahawa pencemaran asap ataupun lebih dikenali sebagai pencemaran udara itu tidak baik kepada persekitaran kita dan tambahan pula ianya akan menjejaskan alam sekitar yang sedia ada disekeliling. Oleh itu, jelaslah menggambarkan bahawa pengarang cuba memasukkan unsur alam fizikal seperti asap ke dalam hasil penulisan karyanya.

4.2.4 Alam Ciptaan Manusia / Buatan Manusia

Alam buatan manusia atau diungkapkan sebagai persekitaran alam yang tercipta oleh manusia itu sendiri. Manusia menggunakan teknologi yang sedia ada dan sebagainya bagi menciptakan sesuatu produk atau sesuatu tempat yang menarik perhatian manusia walaupun dengan kos yang agak tinggi untuk meningkatkan sektor pembangunan terutamanya di dalam sektor industri ekonomi atau sektor industri pelancongan.

a) Bangunan

Bangunan ialah sesuatu yang dibangunkan seperti gedung, rumah, klinik, kedai dan lain-lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 123*). Sepertimana yang kita ketahui bahawa bangunan mempunyai banyak jenis antaranya ialah sekolah. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 1415)*, sekolah ialah tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di dalam novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah iaitu:

Ketika loceng tamat **sekolah** berbunyi, Anuar cuba melihat adakah kawan-kawanya yang lain akan dipanggil juga. Dia cuba meneliti siapakah yang nampak gelisah dan takut-takut.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 11)

Berdasarkan kepada petikan diatas, sumber jelas menggambarkan bahawa pengarang memasukkan elemen unsur alam buatan manusia iaitu bangunan “sekolah” bagi menyatakan latar tempat bagi sesuatu situasi itu. Hal ini demikian kerana dengan penggunaan frasa “Ketika loceng tamat **sekolah** berbunyi, Anuar cuba melihat adakah kawan-kawanya yang lain akan dipanggil juga” pembaca dapat membayangkan bagaimana situasi pada ketika itu semasa mereka menghayati teks *Suriati* dan pembaca juga dapat mendalami apa maksud tersirat di sebalik penggunaan unsur alam buatan manusia iaitu sekolah.

Seterusnya, masjid juga merupakan salah sebahagian daripada bangunan. *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 1002)*, masjid ialah bangunan khas tempat untuk umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Hal ini dapat dilihat pada petikan seperti berikut:

Usia bapa kini sudah meningkat lima puluh tahun lebih. Bagiku, usia begini sepatutnya berada di **masjid** setiap waktu. Usia begini sepatutnya bapa memakai kopiah putih, berserban kerana bapa sudah pun bergelar haji. Tapi bapa tidak. Dia lebih senang menghabiskan masa di luar entah di mana-mana dan aku dibiarkan terkatung-katung keseorangan.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 24)

Berdasarkan kepada petikan di atas, penggunaan frasa “Bagiku, usia begini sepatutnya berada di **masjid** setiap waktu” jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur alam buatan manusia yang diterapkan oleh pengarang. Hal ini demikian kerana dengan penerapan unsur alam buatan manusia “masjid” pengarang ingin memberitahu bahawa usia bapa Anuar iaitu Marzuki yang sudah tua sepatutnya banyak melakukan ibadat di masjid kerana setiap manusia pasti akan merasakan kematian tidak kiralah pada usia muda atau tua.

Selain itu, perpustakaan ialah bangunan bilik dan lain-lain yang mengumpulkan buku-buku untuk bacaan dan sebagainya (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 1256*).

Hal ini dapat dibuktikan dalam novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah menerusi petikan di bawah:

Perpustakaan Sidney cukup besar. Orang di sana memang suka membaca. Permintaanku hendak membaca al-Quran tidak mengejutkan pegawai yang bertugas. Permintaan itu biasa baginya dan aku seperti orang yang ke seribu.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 137)

Berdasarkan kepada petikan diatas, jelaslah menunjukkan bahawa pengarang menggunakan unsur alam buatan manusia iaitu perpustakaan sebagai latar tempat di

dalam penulisan teks *Suriati* di mana pengarang cuba menggambarkan bahawa keadaan ruang tempat di perpustakaan Sidney itu sangat luas dan cukup besar. Oleh itu, menerusi penggunaan unsur alam buatan manusia bangunan perpustakaan Sidney jelas menunjukkan bahawa pengarang memasukkan elemen unsur alam buatan manusia bagi menyatakan latar tempat.

Tambahan pula, unsur alam buatan manusia yang keempat ialah bangunan rumah. *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 1350)*, rumah ialah binaan untuk tempat tinggal. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan sepertimana yang terkandung di dalam novel *Suriati* :

Laut nampak tenang. Airnya menyilau sinar oleh mentari petang dan ada beberapa buah kapal sedang bergerak. Di pantai seberang Butterworth nampak berjajaran **rumah-rumah** dan pokok kelapa.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 63)

Berdasarkan kepada petikan diatas, sumber jelas menggambarkan bahawa pengarang memasukkan elemen unsur alam buatan manusia iaitu bangunan “rumah” bagi menyatakan latar tempat bagi sesuatu keadaan pada ketika itu. Hal ini demikian kerana penggunaan frasa “Di pantai seberang Butterworth nampak berjajaran **rumah-rumah** dan pokok kelapa” menunjukkan bahawa pengarang ingin menyampaikan keadaan suasana terdapat rumah-rumah yang berjajaran dan pokok kelapa yang berada di seberang pantai Butterworth.

Di samping itu, unsur alam buatan manusia yang terakhir ialah sawah. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 1399)*, sawah ialah tanah yang bencah yang digenangi air yang merupakan tempat menanam padi, dan bendang. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan yang terkandung di dalam novel *Suriati*:

Bajakkan saya **sawah** di sana
Padi ditanam untuk setahun
Ajakan tuan saya terima
Untuk kutambat jiwa meruntun.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 47)

Berdasarkan kepada petikan diatas, sumber frasa “Bajakkan saya **sawah** di sana” jelas menggambarkan bahawa pengarang menggunakan unsur alam buatan manusia iaitu “sawah” sebagai pembayang kepada pantun diatas. Hal ini demikian kerana pengarang juga pengarang juga bijak mengarang di mana pengarang memasukkan elemen penggunaan bahasa iaitu melalui penggunaan pantun dan pengarang juga menggunakan pantun bagi menyampaikan makna yang tersirat kepada pembaca

4.2.5 Alam Cakerawala

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 238)*, cakerawala bermaksud bintang-bintang di langit seperti bulan, matahari, dan lain-lain. Manakala cakerawala ialah langit atau lengkung langit. Maksud lain ialah seluruh bintang dan planet di langit termasuk bulan dan matahari (<https://www.prpm.dbp.gov.my>).

a) Bintang

Bintang merupakan salah satu cakerwala yang beribu-beribu banyaknya yang mengeluarkan cahaya dan kelihatan berkelip-kelip di langit pada waktu malam (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 190*). Maka, perkataan unsur alam cakerawala ‘bintang’ dapat dilihat menerusi novel yang bertajuk *Suriati*. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan berikut:

Dan selesai azan, aku merenungi kecubung begitu lama. Aku nampak seperti sebutir **bintang** yang bertenggek di atasnya, berkelipan dan bersinar. Aku seperti dapat membaca satu bentuk ayat yang amat indah seni tulisnya dan seni itu sangat cepat menyerap ke dalam jiwaku.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 167)

Berdasarkan kepada petikan diatas, penggunaan unsur alam cakerawala iaitu “Aku nampak seperti sebutir **bintang** yang bertenggek di atasnya, berkelipan dan bersinar” jelas membuktikan bahawa pengarang cuba untuk memasukkan elemen unsur alam cakerawala di dalam penulisannya di mana pengarang menggunakan perumpamaan bagi memberikan gambaran bahawa seseorang itu memandang kearah kecubung dan dia nampak seolah-olah ada sebutir bintang yang berada pada kecubung itu dan ianya kelihatan berkelipan dan bersinar.

b) Awan

Awan ialah wap air yang bergumpual-gumpal di udara kelihatan seperti asap berwarna putih atau kelabu di langit (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 93*). Hal ini dapat dilihat menerusi novel *Suriati* karya Azizi Hj Abdullah di mana, pengarang cuba memasukan elemen unsur alam cakerawala “awan” di dalam hasil karyanya di mana kita dapat lihat menerusi petikan di bawah:

Suamiku mengekori dengan cepat juga. Di wajahnya ada **awan** bimbang berarak. Ternyata ada satu rahsia yang akan bocor.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 51)

Berpandukan kepada petikan diatas, jelaslah menggambarkan bahawa dengan penggunaan frasa “Di wajahnya ada **awan** bimbang berarak” itu sudah terbukti bahawa pengarang menggunakan unsur alam cakerawala “awan” sebagai perumpamaan bagi menggambarkan keadaan riak wajah suami kepada Masudah Steinman yang bimbang dan perasaan sedih menyelubungi diri suaminya. Oleh hal yang demikian kerana dengan penggunaan unsur alam cakerawala “awan” tersebut telah membuktikan bahawa pengarang mahir dalam menggunakan kata-kata yang indah bagi menggambarkan sesuatu perkara.

c) Matahari

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 1006), matahari ialah bintang yang menjadi jasad pusat dalam sistem suria yang mengeluarkan cahaya dan haba disekelilingnya bumi serta planet-planet lain beredar. Hal ini dapat dibuktikan menerusi novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah seperti di dalam petikan:

Masudah Steinman menanggalkan cermin matanya. Bola mata ke Inggerisnya terserlah berpasak kebiruan. Ya Tuhan, bagaikan dua **matahari** bertemu lalu menyilaukan pancarannya ke wajahku. Aku tidak berani menentang. Dia seperti mahu menolak ke tepi tetapi dihalang pula oleh sesuatu. Kemudian dia berpaling ke arah Kaabah, seperti mahu meminta izin di atas pertemuan yang tidak dirancang itu. Dia seperti beristikharah tentang suaminya yang pernah menggantungnya tanpa tali.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 120-121)

Berdasarkan kepada petikan diatas, sumber penggunaan frasa “Ya Tuhan, bagaikan dua **matahari** bertemu lalu menyilaukan pancarannya ke wajahku” sudah terbukti menyatakan bahawa pengarang cuba memasukan elemen unsur alam cakerawala ke dalam penulisannya bagi menyampaikan makna sesuatu peristiwa itu. Hal ini demikian kerana apa yang ingin disampaikan oleh pengarang ialah pancaran matahari itu menyebabkan mata Masudah Steinman silau dan dia tidak dapat mendongak lagi dek kerana pancaran matahari yang agak terik itu.

d) Bulan

Bulan merupakan satelit semula jadi bumi yang bergerak mengelilingi bumi dalam 28 hari dan bersinar pada waktu malam oleh cahaya yang diterbalikan sekali oleh matahari (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 217*). Penggunaan unsur alam cakerawala “bulan” dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Di seberang jalan ada sebuah bangunan daripada bata dan simen. Dindingnya separuh kayu. Puncaknya berkecubung, berukuran **bulan** sabit dengan bintang lima. Ketika suara azan dilaungkan, dalam satu masa, aku

mendengar azan itu disambut serentak di mana-mana. Keempat-empat anak muda tadi bangun serentak, memberi senyum padaku, seperti memberitahu padaku bahawa mereka akan menjadi manusia yang kecil dan hina sebentar lagi.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 166)

Berdasarkan kepada petikan diatas, penggunaan frasa “Puncaknya berkecubung, berukuran **bulan** sabit dengan bintang lima” sudah terang lagi bersuluh bahawa pengarang menggunakan unsur alam cakerawala terhadap penulisannya. Malah, dengan penggunaan unsur alam cakerawala pengarang cuba untuk menyatakan bahawa pada bahagian atas bangunan yang berbata dan dindingnya berkayu itu berbentuk seperti corong atau trompet dan ukurannya berbentuk bulan sabit dengan mempunyai lima bintang.

e) Langit

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 884), langit ialah lengkung yang tampaknya biru dan melingkumi bumi. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di dalam novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah iaitu:

Aku terasa **langit** menjadi mendung dan ada rintik-rintik air mata bidadari luruh. Angin pun berhembus perlahan. Dan sedar-sedar Masudah teresak tapi cepat pula menyembunyikan.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 100)

Berdasarkan kepada petikan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa penulis menggunakan unsur alam cakerawala dalam penulisan teksnya bagi menjelaskan maksud yang tersirat yang ingin disampaikan. Malah, pengarang turut menggunakan unsur alam cakerawala seperti “langit” bagi tujuan menggambarkan kata-kata dan dari aspek penggunaan bahasa yang indah. Frasa “Aku terasa **langit** menjadi mendung dan ada rintik-rintik air mata bidadari luruh” menggambarkan bahawa Masudah merasakan perasaan adanya menjadi sebak dan tanpa dia sedari air mata keayuan perempuannya

sudah mengalir laju membasahi pipinya. Oleh itu, jelaslah disini bahawa pengarang menggunakan unsur alam “langit” itu sebagai simbol kepada perasaan Masudah pada ketika itu.

4.3 Makna yang tersirat di dalam unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah dengan berpandukan kepada teori Ekologi.

Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah merupakan salah satu prosa moden yang menonjolkan persoalan kehidupan dua beradik yang menyangka diri mereka anak tunggal dalam keluarga dan ketandusan kasih sayang ibu bapa kandung, tetapi sebenarnya tidak. Novel *Suriati* juga menggunakan latar realiti iaitu suasana di sekolah, rumah, Sungai Pinang, perpustakaan dan lain-lain. Dalam novel ini juga, makna siratan unsur alam yang dibincangkan adalah unsur alam flora, unsur alam fauna, unsur alam fizikal, unsur alam buatan manusia dan unsur alam cakerawala dengan berpandukan empat prinsip dalam teori ekologi.

4.3.1 Unsur Alam Flora

Unsur alam flora merupakan unsur alam yang sering digunakan di dalam Novel *Suriati*. Makna yang tersirat di dalam unsur alam Novel *Suriati* turut diungkapkan oleh pengarang. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 413)*, flora didefinisikan sebagai (bio) keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat disesuatu daerah atau pada sesuatu masa. Berdasarkan kepada hasil pembacaan dan penelitian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji mendapati terdapat banyak unsur alam flora. Namun begitu, pengkaji hanya akan menekankan kepada lima jenis unsur alam flora sahaja antaranya ialah bunga, buah saga, pokok, daun-daun kering dan padi yang dinyatakan dalam novel ini dapat ditafsirkan sebagai pengucapan yang membawa makna yang tersirat.

Perkataan “bunga” diungkapkan melalui satu peristiwa di mana berlakunya pertembungan dua watak yang berlainan jantina di suatu ruang pembacaan seperti yang terdapat menerusi contoh petikan yang berikut:

Apabila dia duduk di kerusi, sebelum dia membuka sebuah buku ‘Islam’ karangan Fazlur Rahman, mata kami bertembung. Luruh berguguran awan gemawan di langit dan terbelah kebiruan, lalu menerkam alun debar yang maha dahsyat. Dia memberi senyuman padaku. Nyatalah sekuntum **bunga** telah terkulai di depanku. Dan apabila kami sama-sama memegang buku, judulnya masing-masing diperhati. Pertukaran judul menjadi kami senyum semula.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 157)

Bunga merupakan simbol atau perumpamaan tentang keharuman, keayuan dan kecantikan. Dalam konteks novel ini di mana pengarang cuba memberikan perumpamaan kepada pembaca bahawa bunga itu menggambarkan perwatakan seorang perempuan iaitu Suriati yang tersipu malu apabila bertentangan mata dengan seorang jejaka yang dia minati. Menerusi teori ekologi iaitu dari aspek prinsip bahasa dan kritikan di mana dapat lihat bahawa pengarang menggunakan gaya bahasa yang indah iaitu perumpamaan bagi menggambarkan perasaan seseorang itu dengan unsur alam flora iaitu bunga sepertimana di dalam frasa “Nyatalah sekuntum **bunga** telah terkulai di depanku”.

Selain itu, penggunaan unsur alam “Pokok” yang diungkapkan di dalam novel *Suriati* bagi menggambarkan latar sesuatu tempat tersebut. Sebagai contohnya seperti petikan berikut:

“Taklah berapa lama.” Kata Suriati yang cuba mengambil hati Anuar. Padahal dia sudah menunggu hampir setengah jam. Di bangku yang didudukinya di bawah **pokok** tepi padang bola itu tidak ada orang lain. Orang ramai lebih suka duduk di tepi tembok sambil makan-makan sotong atau rojak mamak.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 63-64)

Pokok merupakan sejenis tumbuh-tumbuhan berkayu yang hidup di alam tumbuhan ataupun lebih dikenali sebagai alam semesta. Di dalam hal ini pengarang ingin menyampaikan bahawa watak Suriati yang berteduh di bawah pokok sambil menunggu ketibaan Anuar dan pengarang juga ingin menggambarkan suasana latar tempat yang terdapat di dalam petikan tersebut. Bertitik tolak daripada itu berpandukan kepada prinsip ekologi, dapat dilihat bahawa wujudnya hubungan antara manusia dengan alam semesta. Hal ini demikian kerana sepertimana yang kita ketahui bahawa pokok juga merupakan salah satu unit asas di dalam ekosistem yang hidup di muka bumi ini dan ianya mempunyai hubungan dengan manusia kerana pokok menyerap karbon dioksida yang dilepaskan oleh manusia. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa manusia dan alam flora saling berhubung antara satu sama lain.

Seterusnya, penggunaan alam flora “padi” yang diungkapkan di dalam novel *Suriati* di mana pengarang cuba untuk menggunakan unsur alam flora “padi” di dalam pembayang pantun. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

Bajakkan saya sawah di sana
Padi ditanam untuk setahun
Ajakan tuan saya terima
Untuk kutambat jiwa meruntun

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 47)

Padi merupakan sejenis tumbuhan iaitu rumput yang buahnya dijadikan sebagai beras. Dalam konteks novel ini di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba untuk menggunakan unsur alam flora “padi” ke dalam pembayang pantun. Sepertimana di dalam frasa “**Padi** ditanam untuk setahun” pengkaji dapat lihat bahawa pengarang cuba untuk menyatakan maksud bahawa biarlah seseorang itu menunggu lama asalkan jiwa dan perasaan yang terpendam selama itu dapat diubah. Menerusi teori ekologi iaitu berdasarkan kepada prinsip bahasa dan kritikan, pengarang bijak menggunakan

penggunaan gaya bahasa yang indah ke dalam novel *Suriati* dengan mengaplikasikan puisi tradisonal iaitu pantun dengan memasukkan unsur alam flora “pokok” pada bahagian pembayang bagi pantun yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Tambahan pula, penggunaan unsur alam “buah” yang diungkapkan di dalam novel *Suriati* di mana pengarang cuba untuk menggunakan unsur alam flora “buah” di dalam pembayang pantun. Hal ini dapat di lihat menerusi petikan:

Pucuk lemuni daun kemudi
Buah saga di luar kota
 Adik di sini abang di sana
 Bagaimana hendak memulakan kata?
 (Azizi Hj. Abdullah, 2009: 154)

Buah membawa makna ovari yang telah masak dan mempunyai bijinya yang terhasil daripada sesebuah pokok yang berbunga. Di dalam konteks novel ini di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba untuk menggunakan unsur alam flora “buah” ke dalam pembayang pantun. Menerusi prinsip bahasa dan kritikan di dalam teori ekologi, pengkaji dapat lihat bahawa pengarang cuba untuk memberikan kelainan bagi meningkatkan lagi kualiti karya novelnya dengan mengaplikasikan pantun ke dalam penulisannya. Sepertimana di dalam frasa “**Buah** saga di luar kota” itu sudah terbukti bahawa pengarang menggunakan bahasa yang indah di dalam pembayang pantun.

Di samping itu, penggunaan unsur alam flora “daun-daun kering” yang diaplikasikan di dalam di dalam novel *Suriati* di mana pengarang cuba untuk memberikan gambaran kepada peristiwa yang berlaku ketika itu. Hal ini dapat di lihat menerusi petikan yang berikut:

Pagi itu amat cerah. Panasnya mencecah di mana-mana, sehingga ke halaman rumah yang aku sewa di Jalan P. Ramlee. Basah tanah embun semalam masih nampak. **Daun-daun kering** yang berguguran, belum lagi disapu oleh pekerja bandaran. Kereta di jalanan semakin banyak pergi balik.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 49)

Daun bermaksud bahagian tumbuh-tumbuhan yang biasanya leper dan nipis, berwarna hijau dan tumbuh di dahan. Di dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran bahawa seperti kebiasaannya daun-daun kering yang berguguran di kawasan rumah sewa Anuar di Jalan P. Ramlee itu akan dibersihkan oleh pekerja bandaran. Namun, Anuar melihat daun-daun kering tu belum lagi dibersihkan oleh pekerja bandaran sepertimana rutin setiap hari pekerjaan mereka. Menerusi teori ekologi iaitu berdasarkan kepada prinsip etika yang lebih berfokuskan kepada '*deep ecological movement*' di mana dapat dilihat disini bahawa perbuatan pekerja bandaran yang selalu membersihkan daun-daun kering itu sudah menggambarkan bahawa pekerja bandaran itu mempunyai etika yang bagus di dalam dirinya kerana dia amanah dalam melaksanakan sesuatu pekerjaannya. Oleh itu, wujudlah perhubungan antara alam flora dengan manusia yang memelihara alam sekitar.

4.3.2 Unsur Alam Fauna

Unsur alam fauna merupakan unsur alam yang sering digunakan di dalam Novel *Suriati*. Makna yang tersirat di dalam unsur alam Novel *Suriati* turut diungkapkan oleh pengarang. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 408)*, fauna merupakan (bio) seluruh binatang yang hidup di sesuatu daerah tertentu. Berdasarkan kepada hasil pembacaan dan penelitian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji mendapati terdapat banyak unsur alam fauna. Namun begitu, pengkaji hanya akan menekankan lima jenis unsur alam fauna sahaja antaranya ialah ikan, kuda, rusa, belut dan kerbau balar yang diselitkan dalam novel ini dapat ditafsirkan sebagai pengucapan yang membawa makna yang tersirat.

Perkataan “ikan” diungkapkan melalui satu peristiwa dimana pengarang memberikan perumpamaan anggota dalaman manusia dengan alam fauna iaitu anak ikan sembilang. Sepertimana dapat dibuktikan menerusi contoh petikan di bawah:

Tiba-tiba bapa ketawa. Ketawa sungguh-sungguh. Itulah juga kali pertama aku melihat bapa ketawa di depanku. Mulutnya yang ternganga dengan dongakan muka dan aku nampak anak lidahnya terkodek-kodek macam anak **ikan sembilang** di atas upih. Apa yang menyebabkan bapa begitu lucu aku tidak tahu.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 30)

Ikan sembilang merupakan simbol atau perumpamaan kepada anak lidah di dalam penulisan novel *Suriati* ini. Dalam konteks novel ini di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan perumpamaan kepada pembaca bahawa perwatakan bapa Anuar yang ketawa terbahak-bahak sehinggakan menampakkan anak lidah bapanya yang terkodek-kodek seperti “anak ikan sembilang” yang berada di atas upih dan memerlukan oksigen kerana ikan sembilang hanya hidup di dalam air. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi dengan teori ekologi iaitu menerusi prinsip bahasa dan kritikan. Hal ini demikian kerana pengarang mementingkan kualiti karyanya dengan mengaplikasikan gaya bahasa iaitu dari sudut perumpamaan di dalam teksnya yang merujuk kepada anak ikan sembilang yang diberikan perumpamaan kepada anak lidah bapa Anuar yang terkodek-kodek.

Selain itu, pengarang juga turut menggunakan unsur alam fauna “kuda” sepertimana yang diungkapkan oleh pengarang di dalam novel *Suriati* di mana pengarang cuba untuk memberikan perumpamaan unsur alam fauna iaitu “ekor kuda” bagi menggambarkan fizikal seseorang itu. Sebagai contohnya di dalam petikan:

“Kenapa kita dipanggil?” Tanyanya lagi sambil memerhati rambut Suriati yang panjang yang diikat seperti **ekor kuda**. Suriati putih dan badan sedikit gempal. Matanya bersinar galak. Entah kenapa sekali dua jantungnya terasa berdebar. Dia seperti dijentik oleh jejari Suriati.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 13)

Pengarang menggunakan unsur alam fauna “ekor kuda” sebagai simbol atau perumpamaan kepada rambut manusia yang diikat di dalam penulisan novel *Suriati* ini. Berpandukan kepada konteks novel ini, di mana kita dapat lihat bahawa penulis cuba untuk memberikan perumpamaan kepada pembaca bahawa dengan penggunaan unsur alam fauna iaitu ekor kuda itu dapat digambarkan keadaan gaya rambut Suriati yang diikat seakan-akan bentuknya sama seperti bentuk ekor kuda yang berbentuk memanjang dan tirus ke bawah serta jatuh kebelakang. Hal ini dapat dilihat menerusi prinsip bahasa dan kritikan, pengkaji dapat lihat bahawa pengarang cuba untuk menggunakan penggunaan gaya bahasa perumpamaan iaitu dengan memberikan perumpamaan terhadap gaya rambut Suriati yang seperti unsur alam fauna iaitu ekor kuda. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa dengan penggunaan gaya bahasa yang indah ini dapat mempertingkatkan lagi sesuatu kualiti terhadap karya novel *Suriati*.

Seterusnya, penggunaan perkataan “rusa” di dalam Novel *Suriati* ini dapat digambarkan oleh pengarang yang memberikan perumpamaan manusia dengan binatang. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Betapa pun aku amat yakin bahawa itu Masudah Steinmann, tetapi tapak kasutku seperti terpijak gam likat. Aku memerhati sekeliling kalau-kalau ada orang lain yang melihat keterpegunanku. Alangkah malunya aku kalau mereka melihatku bagaikan **seekor rusa** sesat. Tapi keterpegunanku seperti memberi ruang berfikir dan meneliti bentuk tubuhnya untuk aku jadikan watak utama dalam novelku.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 92)

Pengarang menggunakan unsur alam fauna “seekor rusa” sebagai simbol atau perumpamaan kepada perlakuan atau keadaan manusia yang berada dalam keadaan yang tidak senang di dalam situasi tersebut. Menerusi konteks novel ini, di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran bagi frasa “bagaikan **seekor rusa** sesat” bahawa keadaan bapa Anuar pada ketika itu yang berfikiran

bahawa sekiranya orang sekelilingnya memandangnya yang berada dalam keadaan yang tidak tahu ke mana arah yang hendak ditujui dan dia akan merasa malu dengan tingkah lakunya yang tidak bergerak kemana-mana seolah-olah sesat itu, dia akan mendapat spekulasi daripada orang yang berada disekelilingnya. Menerusi prinsip bahasa dan kritikan, sepertimana yang digambarkan oleh pengarang di mana pengarang cuba mengaplikasikan penggunaan gaya bahasa yang indah iaitu simile. Sepertimana yang dilihat dengan penggunaan frasa “bagaikan seekor rusa sesat” itu sudah cukup membuktikan bahawa pengarang menggunakan unsur gaya bahasa simile di dalam karyanya.

Tambahan pula, pengarang juga menggunakan unsur alam flora iaitu “belut” di dalam penulisannya. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di bawah:

Masudah Steinmann hilang dalam pusuan orang ramai. Sangat pantas langkahnya seperti **seekor belut**, dia terlepas daripada pandanganku.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 123)

Sepertimana yang diketahui bahawa belut merupakan sejenis ikan yang panjang seperti ular dan licin serta ianya hidup di dalam lumpur (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 158*). Berdasarkan kepada konteks novel ini di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran bahawa perwatakan atau tingkah laku watak Masudah Steinman yang menyusup sangat laju sehinggakan Marzuki tidak dapat melihatnya lagi. Di sebabkan tingkah laku Masudah Steinman itu pengarang membuat spekulasi dengan menggantikan tingkah lakunya itu dengan pergerakan seekor belut yang sangat laju. Sehubungan dengan itu, menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip bahasa dan kritikan di mana prinsip ini mementingkan bahasa yang merupakan alat yang digunakan bagi menghujahkan tentang kehidupan manusia dengan menggunakan gaya bahasa yang indah. Hal ini jelas menggambarkan di mana

pengarang menggunakan gaya bahasa simile di dalam karyanya iaitu menerusi perwatakan Masudah Steinman yang hilang dengan sekelip mata bagaikan seekor belut.

Di samping itu, pengarang juga menggunakan unsur alam fauna “kerbau balar” di dalam Novel *Suriati* bagi menggambarkan rupa paras seseorang watak tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan yang berikut:

Seorang perempuan Inggeris datang dan mengambil tempat di sebuah kerusi tidak jauh dariku. Aku mengatakan dia berbangsa Inggeris kerana rambutnya berwarna perang, kulitnya putih kemerahan seperti **kerbau balar**. Matanya sendiri berpasak kebiruan. Dia berbaju kurung dan berkain batik. Aneh, seorang perempuan Inggeris berpakaian ala Melayu. Tapi itu bukan sesuatu yang pelik. Ramai pelancong berbuat begitu.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 156)

Kerbau balar merupakan perumpamaan kepada keadaan seseorang itu dan keadaan rupa paras seseorang itu yang berwarna putih. Menerusi konteks novel *Suriati* ini di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran bahawa rupa paras seorang perempuan yang berbangsa Inggeris yang berambut perang, matanya berwarna kebiruan, dan kulitnya yang putih kemerahan sepertimana keadaan kulit seekor kerbau balar juga berwarna putih. Sehubungan dengan itu, menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip bahasa dan kritikan di mana prinsip ini mementingkan bahasa yang merupakan alat yang diaplikasikan bagi menghujahkan tentang kehidupan manusia dengan menggunakan gaya bahasa yang indah. Hal ini jelas menggambarkan di mana pengarang menggunakan gaya bahasa simile di dalam karya *Suriati* iaitu “seperti kerbau balar” di mana yang digambarkan menerusi rupa paras perempuan Inggeris itu yang berwarna putih kemerahan yang seakan-akan warna badan seekor kerbau balar yang juga putih.

4.3.3 Unsur Alam Fizikal/ Indrawi

Unsur alam fizikal merupakan unsur alam yang digunakan di dalam Novel *Suriati*. Makna yang tersirat di dalam unsur alam Novel *Suriati* turut diungkapkan oleh pengarang. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 413)*, fizikal adalah bukan badan, jasmani dan bukan kebendaan atau keadaan alam semula jadi. Berdasarkan kepada hasil pembacaan dan penelitian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji mendapati terdapat banyak unsur alam fizikal. Namun begitu, pengkaji hanya akan menekankan enam jenis unsur alam fizikal sahaja antaranya ialah batu, sungai, hujan, tanah, gunung dan asap yang diaplikasikan dalam novel ini dapat ditafsirkan sebagai pengucapan yang membawa makna yang tersirat.

Penggunaan unsur alam fizikal iaitu “batu” di dalam Novel *Suriati* bagi menunjukkan bahawa perbuatan watak Suriati yang melemparkan batu ke arah laut. Sebagai contohnya dapat dilihat menerusi petikan yang berikut:

“Anuar, tolong jangan bercakap soal cinta. Belum sampai masanya kita bercinta dan Yati tidak akan bercinta” tiba-tiba Suriati berkata lancar. Seketul anak **batu** dilempar ke dalam laut. Air laut yang menghempas **batu-batu** yang menjadi penyedal pasir pantai, sesekali memercik hingga ke atas.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 148)

Batu didefinisikan sebagai bahan galian pepejal yang bukan logam (tidak terbakar, tidak boleh ditempa, dan tidak hancur di dalam air). *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 136)*. Di dalam konteks novel *Suriati* ini di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran bahawa Suriati cuba melepaskan perasaannya yang tidak begitu senang dengan apa yang diperkatakan oleh Anuar yang bercakap tentang soal cinta itu telah membuatnya untuk melemparkan batu ke dalam laut sebagai tanda kurang senang dengan kata-kata tersebut. Sehubungan dengan itu, menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip etika iaitu di dalam kategori

“*shallow ecological*” di mana prinsip ini lebih kearah sikap dan perbuatan manusia yang menjurus kepada memusnahkan alam sekitar sehingga mewujudkan krisis yang membawa kepada kesejahteraan manusia. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perbuatan dan tindakan Suriati yang melemparkan batu ke arah laut itu merupakan salah satu perbuatan yang boleh menimbulkan krisis terhadap Anuar yang berada disisinya.

Seterusnya, penggunaan unsur alam fizikal “sungai” di dalam Novel *Suriati* bagi menunjukkan bahawa pengarang ingin menyatakan latar tempat bagi sesuatu peristiwa tersebut. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Selama enam tahun tinggal bersama bapa di **Sungai Pinang**, kami makan dengan cara membeli nasi di kedai. Kadang-kadang masak sendiri. Sudah enam tahun aku membasuh baju sendiri, kadang-kadang menghantar ke kedai dobi. Siapa lagi yang hendak memasak? Siapa yang sudi hendak mengemas rumah dan membasuh pakaianku?

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 27)

Sungai adalah aliran air yang memanjang dan besar yang mengalir secara berterusan dari hulu menuju ke hilir. Menerusi konteks novel *Suriati* ini di mana dapat dibuktikan bahawa pengarang cuba memberikan gambaran latar tempat bagi sesuatu peristiwa di mana watak Anuar bersama bapanya yang tinggal di Sungai Pinang dan hidup mereka setiap hari hanya memakan nasi bungkus sahaja. Menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip ekologi di mana prinsip ini lebih kepada wujudnya hubungan yang saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar dan ekologi manusia ini juga merupakan cabang ekologi yang terjadi akibat kesan daripada perbuatan manusia. Hal ini jelas digambarkan di mana watak Anuar dan bapanya tinggal di sungai Pinang seperimana sungai juga tergolong di dalam ekosistem yang wujud hasil daripada tindakan antara komponen-komponen hidup dan bukan hidup.

Selain itu, penggunaan unsur alam fizikal iaitu “hujan” di dalam Novel *Suriati* bagi menunjukkan bahawa pengarang ingin memberikan gambaran perumpamaan kepada perasaan Suriati pada ketika itu. Sebagai contohnya menerusi petikan di bawah:

Suriati berasa bagaikan sebaran **hujan** tengah hari membasahi kemarau rindunya selama ini. Sangat indah dan sangat mesra ucapan ‘anakku’ tadi. Apakah kata-kata itu kata-kata hati atau sekadar kata-kata berbahasa? Aneh, selain Anuar, kini magnetnya mencakuk kepada Marzuki pula.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 195)

Hujan merupakan salah satu simbol yang diaplikasikan oleh pengarang bagi memberikan maksud yang tersirat kepada perasaan seseorang yang rindu dan tenang. Hal ini demikian kerana pengkaji dapat lihat di dalam konteks novel ini, pengarang ingin menyampaikan maksud di mana watak Suriati pada ketika itu berasa sejuk, nyaman dan tenang yang dapat mengubati hatinya yang sudah lama dahagakan ucapan anakku daripada mulut seorang bapa. Kini, rindunya selama ini sudah terubat apabila Marzuki mengucapkan kata “anakku” kepada anak kandungnya yang sudah lama terpisah dengannya. Menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip bahasa dan prinsip kritikan di mana prinsip ini lebih kepada mementingkan bahasa yang merupakan alat yang diaplikasikan bagi menghujahkan mengenai kehidupan manusia dengan menggunakan gaya bahasa yang indah. Hal ini jelas digambarkan di mana pengarang menggunakan gaya bahasa perumpamaan iaitu “bagaikan sebaran **hujan** tengah hari membasahi kemarau rindunya selama ini” bagi menyampaikan perasaannya yang sudah lama terpendam kini sudah terubat setelah sekian lama tidak di dengarinya.

Tambahan pula, penggunaan unsur alam fizikal iaitu “tanah” di dalam Novel *Suriati* bagi menunjukkan bahawa pengarang ingin menyampaikan latar tempat pada ketika itu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di bawah:

Suriati memandang jauh ke laut. Direnungnya beberapa buah kapal yang tersadai. **Tanah** Seberang Perai nampak berbalam-balam.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 147)

Danial Zainal Abidin (2014: 89) menyatakan bahawa tanah adalah suatu hampan di atas bumi pecah yang terjadi suatu ketika dulu lalu terbentuk lautan dan sebahagian tanah berpisah dengan sebahagian yang lain sehingga terhasillah benua dan pulau seperti yang dilihat pada hari ini. Di dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran tentang keadaan persekitaran latar tempat pada peristiwa di mana Suriati memandang jauh ke arah laut dan Suriati hanya nampak samar-samar sahaja tanah di Seberang Perai dek kerana dia berada dalam jarak yang sangat jauh. Menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip ekologi di mana prinsip ini lebih kepada wujudnya hubungan yang saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar. Ekologi manusia ini juga merupakan cabang ekologi yang terjadi akibat kesan daripada perbuatan manusia. Hal ini jelas menggambarkan di mana perkataan “Tanah Seberang Perai” itu sendiri sudah terbukti bahawa tanah merupakan salah satu daripada ekosistem di dalam kitaran alam sekitar.

Kelima pula ialah, pengarang turut menggunakan unsur alam fizikal “gunung” sebagai perumpamaan bagi memperindahkan lagi penggunaan bahasa di dalam Novel *Suriati*. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

Dua lelaki itu berbisik-bisik sama sendiri. Tentunya tentang aku apabila aku lihat mata merah mereka memandang padaku. Antara hendak minum ataupun beredar menjadi pertimbanganku. Penjual kopi datang menghampiriku memberi salam. Ahhh, aku menjadi serba salah. Sepanjang bacaanku, salam adalah budaya orang-orang Islam sedangkan aku tidak. Dan anehnya kalimah yang dilontarkan kepadaku seperti satu simbahan air dari **gunung**. Sejuk dan nyaman.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 141)

Gunung ialah bukit yang besar dan tinggi lebih daripada 1 500 kaki atau 457.2 meter (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 491*). Hal ini demikian kerana pengkaji dapat lihat di dalam konteks novel ini, penggunaan frasa “seperti satu simbahan air dari **gunung**” itu menggambarkan maksud di mana pengarang ingin menyampaikan maksud yang tersirat iaitu lontaran kalimah salam yang diucapkan oleh penjual kopi itu membuatkan hati dan perasaan seorang perempuan yang berbangsa Inggeris berasa nyaman, sejuk dan tenang apabila dia mendengarnya. Menerusi teori Ekologi yang bersesuaian dengan prinsip bahasa dan prinsip kritikan di mana prinsip ini lebih kepada mementingkan bahasa yang merupakan alat yang diaplikasikan bagi menghujahkan tentang kehidupan manusia dengan menggunakan gaya bahasa yang indah. Hal ini jelas menggambarkan di mana pengarang menggunakan gaya bahasa simile atau perumpamaan “seperti satu simbahan air dari **gunung**” bagi menyampaikan perasaan watak seorang perempuan yang berbangsa Inggeris yang tenang, sejuk dan nyaman apabila mendengar kalimah Allah dari penjual kopi.

Di samping itu, penggunaan unsur alam fizikal “asap” yang digambarkan oleh pengarang ialah dengan merujuk kepada berlakunya pencemaran udara. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan yang berikut:

KAWASAN rumah orang-orang tua itu seperti satu petaka yang tidak bersebab. Muram dan sepi, petang yang cerah, dikelabui sedikit pencemaran **asap** daripada longgokan sampah yang dibakar. Pokok-pokok teja yang rendang tidak bergerak. Angin seakan merajuk petang itu.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 227)

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 82)*, asap ialah gas yang kelihatan keluar dari benda yang dibakar (berkepul-kepul dan sebagainya naik ke udara). Di dalam konteks novel *Suriati*, di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran bahawa keadaan persekitaran pada petang itu suram sepi itu di

liputi dengan sedikit pencemaran asap dek kerana ada rumah orang-orang tua yang membakar sampah secara terbuka. Pokok-pokok yang berada disitu pun tidak segar seolah-olah tidak mendapat udara yang bersih. Menerusi teori ekologi iaitu berdasarkan kepada prinsip etika yang lebih berfokuskan kepada '*shallow ecological movement*' di mana dapat dilihat disini bahawa perbuatan manusia yang membakar longgokkan sampah secara terbuka menyebabkan berlakunya pencemaran udara dan ianya akan menjejaskan keadaan disekeliling terutamanya kepada pokok-pokok yang berada disitu dan orang di sekeliling turut akan terjejas dengan tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan. Oleh itu, tindakan membakar sampah itu akan menjurus kepada memusnahkan alam sekitar sehingga boleh mewujudkan krisis yang membawa kepada kesejahteraan manusia.

4.3.4 Unsur Alam Ciptaan Manusia / Buatan Manusia

Unsur alam ciptaan manusia atau buatan manusia merupakan unsur alam yang turut digunakan di dalam Novel *Suriati*. Makna yang tersirat di dalam unsur alam Novel *Suriati* turut diungkapkan oleh pengarang. Alam buatan manusia atau lebih dikenali sebagai persekitaran alam yang tercipta oleh manusia itu sendiri. Namun begitu, pengkaji hanya akan menekankan lima jenis unsur alam buatan manusia sahaja antaranya ialah sekolah, masjid, perpustakaan, rumah, dan sawah yang diaplikasikan dalam novel ini dapat ditafsirkan sebagai pengucapan yang membawa makna yang tersirat.

Penggunaan unsur alam fizikal iaitu "sekolah" di dalam Novel *Suriati* bagi menunjukkan bahawa pengarang ingin memberikan gambaran terhadap latar sesuatu tempat tersebut. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di bawah:

Ketika loceng tamat **sekolah** berbunyi, Anuar cuba melihat adakah kawan-kawanya yang lain akan dipanggil juga. Dia cuba meneliti siapakah yang nampak gelisah dan takut-takut.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 11)

Sekolah merupakan sebuah bangunan dan ianya juga tergolong di dalam unsur alam buatan manusia. Di dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran situasi di mana Anuar berada di kawasan sekolah dan Anuar seperti mencari-cari sama ada ada orang lain ada atau tidak yang kelihatan kerisauan dek kerana dipanggil oleh guru. Menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip ekologi di mana prinsip ini lebih kepada wujudnya hubungan yang saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar. Selain itu juga, ekosistem juga tergolong di dalam ekologi, ekosistem ialah satu ruang alam semesta yang mempunyai dua jenis komponen utama iaitu komponen hidup dan bukan hidup yang saling berkomunikasi dan bergantung antara satu sama lain. Hal ini jelas menggambarkan di mana frasa “Ketika loceng tamat **sekolah** berbunyi” itu sendiri sudah terbukti bahawa sekolah merupakan salah satu daripada komponen abiotik di dalam kitaran alam sekitar.

Seterusnya, penggunaan unsur alam buatan manusia “masjid” di dalam novel *Suriati* turut digunakan di dalam penulisannya bagi menggambarkan latar bagi sesuatu peristiwa tersebut. Sebagai tamsilnya dapat dilihat menerusi petikan yang berikut:

Usia bapa kini sudah meningkat lima puluh tahun lebih. Bagiku, usia begini sepatutnya berada di **masjid** setiap waktu. Usia begini sepatutnya bapa memakai kopiah putih, berserban kerana bapa sudah pun bergelar haji. Tapi bapa tidak. Dia lebih senang menghabiskan masa di luar entah di mana-mana dan aku dibiarkan terkatung-katung keseorangan.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 24)

Sepertimana yang kita ketahui bahawa masjid merupakan tempat untuk umat Islam beribadah kepada Allah. Tetapi, masjid juga dapat dikategorikan sebagai unsur alam buatan manusia. Di dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa penulis

cuba memberikan gambaran situasi di mana watak Anuar berfikiran bahawa usia bapanya yang sudah meningkat itu sepatutnya dihabiskan masa di masjid untuk melakukan amal ibadah. Malahan juga, pengarang juga mengintegrasikan pemikiran watak Anuar itu terhadap persekitaran kehidupan masyarakat sekarang yang sering kali mengucapkan perkara yang sama kepada golongan agak tua. Menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip ekologi di mana prinsip ini lebih kepada wujudnya hubungan yang saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar. Selain itu juga, unsur alam buatan manusia “masjid” ini juga tergolong di dalam komponen abiotik iaitu benda bukan hidup dan ianya saling berhubungan antara manusia dan alam sekeliling. Hal ini jelas menggambarkan di mana frasa “Bagiku, usia begini sepatutnya berada di **masjid** setiap waktu.” itu sendiri sudah terbukti bahawa masjid merupakan salah satu daripada elemen mikrosistem abiotik.

Selain itu, penggunaan unsur alam buatan manusia “perpustakaan” di dalam novel *Suriati* juga bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang suasana latar tempat pada sesuatu masa. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan yang berikut:

Perpustakaan Sidney cukup besar. Orang di sana memang suka membaca. Permintaanku hendak membaca al-Quran tidak mengejutkan pegawai yang bertugas. Permintaan itu biasa baginya dan aku seperti orang yang ke seribu.
(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 137)

Perpustakaan merupakan tempat untuk belajar. Tetapi, perpustakaan juga dapat dikategorikan unsur alam buatan manusia dan juga tergolong di dalam ekosistem abiotik. Di dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran tentang suasana latar tempat bagi keadaan persekitaran di dalam perpustakaan di Sidney yang sangat luas dan pegawai yang bertugas di situ juga menghormati akan pengunjung disitu. Menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip ekologi di mana prinsip ini lebih kepada wujudnya hubungan yang saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar. Hal ini menggambarkan bahawa di mana frasa

“**Perpustakaan** Sidney cukup besar.” itu sendiri sudah terbukti bahawa perpustakaan merupakan salah satu daripada unsur alam buatan manusia yang tergolong didalam komponen bukan hidup iaitu abiotik.

Tambahan pula, pengarang juga turut menggunakan penggunaan unsur alam buatan manusia “rumah” di dalam novel *Suriati* bagi menggambarkan latar bagi sesuatu situasi yang berlaku. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Laut nampak tenang. Airnya menyilau sinar oleh mentari petang dan ada beberapa buah kapal sedang bergerak. Di pantai seberang Butterworth nampak berjajaran **rumah-rumah** dan pokok kelapa.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 63)

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 1350), rumah ialah binaan untuk tempat tinggal. Di dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan gambaran suasana pada ketika itu di mana seseorang sedang memerhati suasana persekitarannya yang nampak tenang dan dia melihat terdapat deretan rumah-rumah dan pokok kelapa di pantai seberang Butterworth dan pengarang juga cuba memasukkan unsur alam buatan manusia ke dalam penulisannya. Menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip ekologi di mana prinsip ini lebih kepada wujudnya hubungan yang saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar. Hal ini menggambarkan bahawa dengan penggunaan frasa “Di pantai seberang Butterworth nampak berjajaran **rumah-rumah** dan pokok kelapa” jelas menunjukkan bahawa perkataan rumah-rumah tersebut tergolong di dalam komponen ekosistem iaitu dikategorikan sebagai benda bukan hidup atau lebih dikenali sebagai abiotik yang dicipta oleh manusia dan ianya saling berhubungan antara manusia dan alam.

Di samping itu, penggunaan unsur alam buatan manusia “sawah” di dalam novel *Suriati* turut digunakan di dalam penulisannya bagi menggambarkan perumpamaan kepada sesuatu situasi. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan tersebut:

Bajakkan saya **sawah** di sana
 Padi ditanam untuk setahun
 Ajakan tuan saya terima
 Untuk kutambat jiwa meruntun.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 47)

“Sawah” merupakan simbol kepada sesuatu situasi yang ingin disampaikan oleh pengarang dan juga bagi melengkapkan pembayang bagi sesebuah pantun. Di dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba membawa maksud di mana frasa “Bajakkan saya sawah di sana” itu membawa maksud seseorang itu iaitu merujuk kepada watak Anuar mengharapkan seseorang yang dia sukai iaitu merujuk kepada watak Suriati mempunyai perasaan hati terhadap dirinya dan dia berharap agar Suriati menanam perasaan yang sama di dalam jiwanya. Berdasarkan kepada teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip bahasa di mana prinsip ini lebih kepada penggunaan bahasa yang merupakan alat yang digunakan bagi menghujahkan tentang kehidupan manusia. Pengarang turut mengaplikasikan penggunaan gaya bahasa yang indah ke dalam novel *Suriati* dengan mengaplikasikan penggunaan gaya bahasa itu ke dalam pantun dengan memasukkan unsur alam buatan manusia iaitu “sawah” pada bahagian pembayang bagi pantun yang ingin disampaikan.

4.3.5 Unsur Alam Cakerawala

Unsur alam cakerawala merupakan unsur alam yang sering digunakan di dalam novel *Suriati*. Makna yang tersirat di dalam unsur alam novel *Suriati* turut diungkapkan oleh pengarang. Alam cakerawala merupakan bintang-bintang di langit seperti bulan, matahari, dan lain-lain. Namun, pengkaji hanya akan menekankan lima jenis unsur alam

cakerawala sahaja antaranya ialah bintang, awan, matahari, bulan, dan langit yang digunakan dalam novel *Suriati* dapat ditafsirkan sebagai pengucapan yang membawa makna yang tersirat.

Penggunaan unsur alam cakerawala “bintang” di dalam novel *Suriati* turut digunakan di dalam penulisannya bagi menggambarkan perumpamaan kepada sesuatu situasi. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan yang berikut:

Dan selesai azan, aku merenungi kecubung begitu lama. Aku nampak seperti sebutir **bintang** yang bertenggek di atasnya, berkelipan dan bersinar. Aku seperti dapat membaca satu bentuk ayat yang amat indah seni tulisnya dan seni itu sangat cepat menyerap ke dalam jiwaku.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 167)

Pengarang menggunakan unsur alam cakerawala “bintang” sebagai simbol atau perumpamaan kepada sesuatu yang menarik perhatian seseorang itu. Di dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba untuk menyatakan bahawa selepas selesai azan berkumandang Masudah Steinman merenungi kecubung bangunan dengan begitu lama dan dia nampak ada sebutir bintang yang terletak diatas kubah tersebut yang berkelipan dan bersinar. Bangunan yang dinyatakan oleh pengarang ialah sebuah masjid yang mempunyai kubah diatas dan mempunyai sebutir bintang diatasnya. Berdasarkan kepada teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip bahasa di mana prinsip ini lebih kepada penggunaan bahasa yang merupakan alat yang digunakan bagi menghujahkan tentang kehidupan manusia. Pengarang turut mengaplikasikan penggunaan gaya bahasa yang indah ke dalam novel *Suriati* dengan mengaplikasikan penggunaan gaya bahasa simile ke dalam penulisannya iaitu yang tergambar menerusi frasa “Aku nampak seperti sebutir **bintang** yang bertenggek di atasnya, berkelipan dan bersinar”.

Selain itu, pengarang juga turut menggunakan unsur alam cakerawala “awan” ke dalam novel *Suriati* bagi memperlihatkan perasaan dan riak wajah seseorang dengan memberikan perumpamaan. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan yang berikut:

Suamiku mengekori dengan cepat juga. Di wajahnya ada **awan** bimbang berarak. Ternyata ada satu rahsia yang akan bocor.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 51)

Pengarang menggunakan unsur alam cakerawala “awan” sebagai simbol atau perumpamaan kepada perasan dan riak wajah seseorang yang berasa bimbang. Di dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba untuk memberi gambaran bahawa pada riak wajah Marzuki iaitu suami kepada Masudah Steinman kelihatan muram dan perasaannya yang tidak tenang, risau dan bimbang kerana takut rahsianya terbongkar. Berdasarkan kepada teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip bahasa di mana prinsip ini lebih kepada penggunaan bahasa yang merupakan alat yang digunakan bagi menghujahkan tentang kehidupan manusia. Pengarang turut mengaplikasikan penggunaan gaya bahasa yang indah ke dalam novel *Suriati* dengan mengaplikasikan penggunaan gaya bahasa perumpamaan atau simile ke dalam penulisannya iaitu yang tergambar menerusi frasa “Di wajahnya ada **awan** bimbang berarak.”. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa pengarang menggunakan penggunaan gaya bahasa yang simile terhadap penulisannya.

Seterusnya, pengarang juga turut menggunakan penggunaan unsur alam cakerawala “matahari” di dalam novel *Suriati* bagi menggambarkan latar bagi sesuatu situasi yang berlaku. Sepertimana dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Masudah Steinman menanggalkan cermin matanya. Bola mata ke Inggerisnya terserlah berpasak kebiruan. Ya Tuhan, bagaikan dua **matahari** bertemu lalu menyilaukan pancarannya ke wajahku. Aku tidak berani menentang. Dia seperti mahu menolak ke tepi tetapi dihalang pula oleh sesuatu. Kemudian dia berpaling ke arah Kaabah, seperti mahu meminta izin di atas pertemuanyang

tidak dirancang itu. Dia seperti beristikharah tentang suaminya yang pernah menggantungnya tanpa tali.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 120-121)

Matahari ialah bintang yang menjadi jasad pusat dalam sistem suria yang mengeluarkan cahaya dan haba di sekelilingnya bumi serta planet-planet lain beredar (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 1006*). Menerusi konteks ini, pengarang cuba untuk memasukan elemen unsur alam cakerawala “matahari” ke dalam penulisannya bagi menggambarkan sesuatu keadaan di mana apabila Masudah Steinman membuka cermin matanya lalu ada pancaran matahari yang menyilaukan matanya sehinggakan dia tidak berani untuk melihat ke langit. Menerusi teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip ekologi di mana prinsip ini lebih kepada wujudnya hubungan yang salingkaitan antara manusia dengan alam sekitar. Hal ini menggambarkan bahawa dengan penggunaan frasa “Ya Tuhan, bagaikan dua **matahari** bertemu lalu menyilaukan pancarannya ke wajahku” sudah terbukti bahawa penggunaan unsur alam cakerawala “matahari” juga merupakan salah satu komponen ekosistem iaitu ianya terdiri dalam komponen biotik yang merujuk kepada benda hidup.

Tambahan pula, penggunaan unsur alam cakerawala “bulan” di dalam novel *Suriati* bagi memperlihatkan gambaran sesuatu benda. Contohnya dapat dilihat menerusi petikan berikut:

Di seberang jalan ada sebuah bangunan daripada bata dan simen. Dindingnya separuh kayu. Puncaknya berkecubung, berukuran **bulan** sabit dengan bintang lima. Ketika suara azan dilaungkan dalam satu masa, aku mendengar azan itu disambut serentak di mana-mana. Keempat-empat anak muda tadi bangun serentak, memberi senyum padaku, seperti memberitahu padaku bahawa mereka akan menjadi manusia yang kecil dan hina sebentar lagi.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 166)

Bulan merupakan satelit semula jadi bumi yang bergerak mengelilingi bumi sekali dalam 28 hari dan bersinar pada waktu malam oleh cahaya yang diterbalikan oleh

matahari (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 217*). Menerusi konteks di dalam novel *Suriati* di mana pengkaji mentafsir bahawa pengarang cuba untuk memberikan gambaran tentang kubah masjid yang berkecubung yang berukuran bulan sabit dengan adanya bintang lima. Menjurus kepada teori ekologi di mana lebih bersesuaian dengan prinsip ekologi di mana prinsip ini lebih kepada wujudnya hubungan yang saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar. Hal ini menggambarkan bahawa dengan penggunaan frasa “Puncaknya berkecubung, berukuran **bulan** sabit dengan bintang lima” jelas menunjukkan bahawa perkataan “bulan” tersebut tergolong di dalam komponen ekosistem iaitu dikategorikan sebagai benda bukan hidup atau lebih dikenali sebagai abiotik yang ianya saling berhubungan antara manusia dan alam.

Di samping itu, pengarang turut menggunakan penggunaan unsur alam cakerawala “langit” di dalam novel *Suriati* bagi memperlihatkan simbol kepada perasaan seseorang. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan yang berikut:

Aku terasa **langit** menjadi mendung dan ada rintik-rintik air mata bidadari luruh. Angin pun berhembus perlahan. Dan sedar-sedar Masudah teresak tapi cepat pula menyembunyikan.

(Azizi Hj. Abdullah, 2009: 100)

Langit merupakan simbol atau perumpamaan tentang perasaan seseorang itu yang berada dalam keadaan yang suram dan hiba. Dalam konteks novel *Suriati* di mana kita dapat lihat bahawa pengarang cuba memberikan perumpamaan kepada pembaca bahawa langit itu menggambarkan perasaan Masudah Steinman pada ketika itu sedih dan tanpa disedari air mata keayuan wanitanya mengalir membasahi pipinya. Berdasarkan kepada teori ekologi yang bersesuaian dengan prinsip bahasa dan prinsip kritikan di mana prinsip ini lebih kepada penggunaan bahasa yang merupakan alat yang digunakan bagi menghujahkan tentang kehidupan manusia. Pengarang turut mengaplikasikan penggunaan gaya bahasa yang indah ke dalam novel *Suriati* dengan mengaplikasikan

Penggunaan gaya bahasa perumpamaan terhadap penulisannya yang terbukti menerusi frasa “Aku terasa **langit** menjadi mendung dan ada rintik-rintik air mata bidadari luruh”. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa pengarang menggunakan penggunaan gaya bahasa perumpamaan yang merujuk kepada unsur alam cakerawala iaitu “langit” terhadap penulisannya yang menunjukkan perasaan seseorang yang suram.

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan kepada keseluruhan hasil analisis yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji mendapati pengarang novel *Suriati* iaitu Azizi Hj. Abdullah banyak menggunakan prinsip bahasa, dan kritikan serta prinsip ekologi di dalam hasil penulisannya. Tambahan pula, berdasarkan kepada hasil pembacaan teks ini oleh pengkaji, pengkaji mendapati pengarang juga turut menerapkan puisi tradisonal di dalam penulisannya salah satunya ialah pantun. Sepertimana yang kita ketahui jarang penulis menerapkan puisi tradisonal ke dalam penulisan karya tetapi bagi pengarang novel ini sudah membuktikan bahawa dengan penggunaan puisi tradisonal ini dapat memperindahkan dan mempertingkatkan lagi kualiti sesebuah karya itu. Akhir sekali, pengarang juga banyak menerapkan unsur-unsur alam semesta di dalam penulisannya antaranya ialah unsur alam flora, unsur alam fauna, unsur alam fizikal atau semulajadi, unsur alam buatan manusia atau ciptaan manusia dan unsur alam cakerawala.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan menyimpulkan dan memperincikan secara keseluruhan yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu kajian mengenai penelitian unsur alam dalam novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah. Pada bahagian permulaan bab ini, pengkaji akan memberikan rumusan secara keseluruhan tentang kajian ini. Selain itu, pada bahagian pertengahan bab ini pula, pengkaji akan memberikan cadangan bagi penambahbaikan kajian ini dan harapan bagi kajian ini. Pada pengakhiran bab ini, pengkaji akan membuat sedikit kesimpulan kecil bagi bab ini untuk hasil perbincangan kajian yang telah dikaji.

5.1 Rumusan

Secara rumusan keseluruhan, kajian ini adalah bagi mengkaji penelitian unsur alam dalam novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah dengan berfokuskan kepada analisis ekologi. Bagi memenuhi objektif kajian ini, kajian kualitatif telah dilaksanakan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj Abdullah: Analisis Ekologi. Sepertimana yang kita ketahui bahawa setiap pengarang mempunyai daya kreativiti yang tersendiri, di mana seseorang pengarang kebanyakannya menggunakan unsur persekitaran di sekeliling sebagai pencetus idea di dalam mencipta sesuatu karya kreatif dan imaginatif yang sangat bermanfaat kepada khalayak. Azizi Hj Abdullah banyak mengetengahkan pelbagai unsur alam di dalam karya novel *Suriati*. Hal ini demikian kerana, di dalam kehidupan Azizi Hj Abdullah beliau banyak menulis karyanya berpandukan kepada faktor pengalaman hidupnya yang saling berkait rapat dengan alam dan beliau menaburkan segala idea menerusi karya-karyanya berdasarkan kepada penceritaan yang berlaku di sekelilingnya.

Berpandukan kepada hasil analisis kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak unsur-unsur alam yang diketengahkan oleh pengarang di dalam novel yang dikaji oleh pengkaji iaitu novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah antaranya ialah unsur alam flora, unsur alam fauna, unsur alam fizikal atau alam inderawi, unsur alam buatan manusia dan unsur alam cakerawala. Malah, melalui hasil penelitian pengkaji dalam menghasilkan analisis kajian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa penggunaan unsur alam sememangnya ia saling berhubungan dengan manusia, di mana manusia memerlukan unsur alam untuk menjalani kehidupan seharian. Bagi pengetahuan semua, segala bentuk unsur alam tidak dapat hidup sekiranya tiada manusia yang boleh menyumbangkan karbon dioksida kepada alam sekitar. Manakala, manusia pula amat memerlukan unsur alam untuk menjalani kehidupan dengan tenang dan dapat menghirup udara yang segar, maka wujudlah hubungan alam semesta dengan manusia.

Tambahan pula, pengkaji mendapati bahawa hasil analisis kajian, didapati unsur-unsur alam yang diketengahkan oleh Azizi Hj. Abdullah menerapkan kritikan ekologi di dalam penulisan karyanya. Pengkaji menggunakan teori ekologi untuk menganalisis kajian ini dengan berpandukan kepada keempat-empat prinsip oleh Wiliam Howarth iaitu prinsip ekologi, prinsip etika, prinsip bahasa dan prinsip kritikan. Azizi Hj Abdullah juga turut menjadikan alam itu sebagai pengarang novelis yang sangat berdaya imaginasi dengan mengolah unsur-unsur ekstrensik dan intrinsik yang banyak terjadi didunia nyata dengan membawa gambaran yang menarik dan unik. Oleh itu, berdasarkan kepada hasil analisis kajian, pengkaji mendapati bahawa pengarang banyak mengaplikasikan prinsip bahasa, prinsip kritikan dan prinsip ekologi di dalam hasil karya Azizi Hj. Abdullah berbanding prinsip etika.

Di samping itu, dengan berpandukan alam juga Azizi Hj. Abdullah mampu menyelesaikan amanahnya sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi yang telah di

laksanakan dengan baik. Hal ini kerana, berpaksikan kepada alam Azizi Hj Abdullah boleh memimpin para pembaca untuk saling menikmati kekuasaan dan kehebatan Allah SWT yang menciptakan seluruh alam semesta di dunia ini yang banyak memberikan faedah kepada hamba Allah dimuka bumi. Tambahan pula, alam juga turut diungkapkan sebagai inspirasi dan idea kepada Azizi Hj Abdullah untuk menghasilkan sesuatu karya yang lebih berkualiti kerana alam mempunyai penceritaan yang tersendiri dan dengan kemampuan serta kemahiran yang ada, Azizi Hj. Abdullah mampu melakarkan sesuatu yang menarik dan penting di dalam hasil karyanya. Unsur alam ini tidak hanya menggambarkan kecantikan ciptaan Allah SWT malah mempunyai makna tersirat yang sangat bermanfaat bagi para pembaca. Justeru itu, Azizi Hj Abdullah dalam menginterpretasikan unsur alam di dalam hasil penulisannya telah mewujudkan satu noktah perkembangan yang indah di dalam dunia kesusasteraan Melayu.

5.2 Cadangan

Pada bahagian ini pengkaji akan membincangkan mengenai cadangan bagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkenaan dengan penelitian unsur alam dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah. Berpandukan kepada hasil analisis kajian, pengkaji mencadangkan supaya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pihak media massa dan kepada pengkaji yang akan datang agar dapat memperbanyakkan dan mendedahkan lagi sumber rujukan serta informasi-informasi berkaitan dengan kajian unsur alam di persada dunia.

5.2.1 Cadangan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Berdasarkan kepada hasil analisis kajian yang telah dilakukan, pengkaji mencadangkan supaya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerbitkan lebih banyak buku dan sumber-sumber rujukan berkenaan dengan unsur-unsur alam serta

mendedahkan kepada khalayak pembaca dan masyarakat betapa pentingnya alam kepada manusia dalam meneruskan kehidupan. Hal ini demikian kerana tanpa unsur alam manusia tidak dapat hidup dengan aman, malah, manusia perlukan sumber-sumber alam seperti udara, air, dan sebagainya untuk meneruskan kehidupan.

5.2.2 Cadangan kepada pihak media massa

Berpandukan kepada hasil analisis kajian yang telah dilakukan, pengkaji mencadangkan agar pihak media massa seperti televisyen, facebook, youtube, dan lain-lain memainkan peranan yang penting dalam mendedahkan kepada khalayak masyarakat tentang unsur-unsur alam. Hal ini demikian kerana pengkaji mendapati bahawa sesetengah masyarakat tidak mengetahui dengan lebih mendalam tentang unsur-unsur alam. Di mana, berpandukan kepada hasil analisis unsur-unsur alam ini sebenarnya mempunyai beberapa pecahan antara salah satu unsur alam ialah unsur alam buatan manusia dan unsur alam buatan manusia ini sebenarnya terdiri daripada bangunan, kraftangan dan sebagainya.

5.2.3 Cadangan kepada pengkaji yang akan datang

Berdasarkan kepada hasil analisis kajian yang telah dibuat oleh pengkaji, pengkaji mencadangkan agar para pengkaji yang akan datang akan meneruskan kajian tentang penelitian unsur-unsur alam. Pengkaji yang akan datang disarankan supaya meneruskan kajian ini dalam peringkat yang lebih terperinci sebagai contohnya kepentingan unsur alam kepada masyarakat, persepsi masyarakat terhadap unsur alam, dan sebagainya. Hal ini demikian kerana terdapat kaitan yang sangat akrab dengan penelitian unsur alam yang menerapkan ekokritik dalam hasil pembincangan di dalam analisis kajian yang tidak dapat diujahkan dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji berharap agar pengkaji yang akan datang dapat meneruskan kajian ini dengan membincangkan skop yang lebih luas.

5.3 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji ini lebih tertumpu kepada penelitian unsur alam yang terdapat di dalam Novel *Suriati* karya Azizi Hj. Abdullah dengan mengaplikasikan teori ekologi yang diilhamkan oleh William Howarth dan menggunakan keseluruhan prinsip-prinsip yang terkandung didalam teori ekologi. Oleh hal yang demikian, terdapat banyak unsur-unsur alam yang diterapkan oleh pengarang Azizi Hj. Abdullah dalam novelnya. Sebagai pengetahuan khalayak pembaca, novel yang telah dikaji oleh pengkaji merupakan salah satu hasil karya yang telah memenangi satu anugerah atau hadiah Sayembara Novel Remaja Anjuran Pusat Islam pada tahun 1993.

RUJUKAN

- Abdullah, A. & Samian, A. L (2017). “Unsur-Unsur Alam Dalam Pendidikan Akhlak Masyarakat Melayu Menerusi Beberapa Karya Raja Ali Haji (Elements of Nature in the Moral Education of Malay Society Based on the Works of Raja Ali Haji)”. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 9(2), 353-365.
- Abidin, D.Z (2014). *Quran Saintifik*. PTS Millenia Sdn.Bhd.
- Afni, N (2018). *Representasi Alam dan Manusia dalam Novel Api Awan Asap Karya Korrie Layun Rampan: Suatu Kajian Ekokritik Gred Garrad*. Tesis peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Universitas Negeri Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia.
- Atfalusoleh, S (2018). “Kajian Ekokritik Sastra Cerpen Harimau Belang Karya Guntur Alam Dalam Kumpulan Cerpen Kompas 2014 “Karma Tanah & Cerita Lainnya”. *Seminar Nasional Kajian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya (SEMNAS KBSP) V 2018, Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS), Jawa Tengah, Indonesia*.
- Aulia, N (2018). *Pencemaran Laut Dalam Anime Gake No Ue No Ponyo Karya Hayao Miyazaki: Kajian Ekokritik Sastra*. Tesis peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Universitas Brawijaya, Jawa Timur, Indonesia.
- Azizi Haji Abdullah (2009). *Suriati*. Al Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Dewi, N (2016). “Ekokritik dalam Sastra Indonesia: Kajian sastra yang memihak. Adabiyyāt”. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 15(1), 19-37.
- Ensiklopedia Sains* (1979). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid Kurniawan, M.D (2019). “Novel Ladu Karya Tosca Santoso: Kajian Ekokritik Greg Garrard”. *Jurnal Sapala*, 5(1).
- Fitriah Nurul Sakina, Juanda, & Suarni Syam Saguni (2019). “Relasi antara manusia dan alam pada Novel Genduk karya Sundari Mardjuki”. *Jurnal Fakultas Bahasa dan Sastra, Universitas Negeri Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia*.
- Gamayanti, W (2014). “Usaha Bunuh Diri Berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner. Psymphatic”. *Jurnal Ilmiah Psikologi*, 1(2), 204-230.
- Harsono, S (2008). “Ekokritik: Kritik Sastra Berwawasan Lingkungan. Kajian Sastra”. *Jurnal*. 32(1), 31-50.
- Ira Rahayu & Dian Permana Putri (2015). “Kajian Sastra Ekologi (Ekokritik) terhadap Novel Sebuah Wilayah yang tidak ada di Google Earth karya Pandu Hamzah”. *Jurnal Unviversitas Swadaya Gunung Jati Cirebon, Indonesia*.
- Jeffrey, R. D. A., & Subet, M. F (2018). “Unsur Alam Dalam Peribahasa Iban (Jaku’Sempama): Satu Analisis Semantik Inklusitif (Elements of Nature in Iban Proverbs (Jaku’Sempama): An Inquisitive Semantics Analysis)”. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), f10-15.

- Jufika, M (2019). *Kajian Ekolinguistik Leksikon Flora Dan Fauna Peribahasa Indonesia Dalam Novel Atheis*. Tesis peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Universitas Andalas Padang, Indonesia).
- Kamus Dewan* (4th ed). (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Laily, N (2017). “Konservasi Alam dalam Novel Baiat Cinta Di Tanah Baduy Karya Uten Sutendy (Kajian Ekokritik Greg Garrard)”. *Jurnal Sapala*, 3(1).
- Mamat, M (2015). *Alam sekitar dalam novel-novel penulis Sarawak: Analisis Kritikan Eko*. Tesis peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD), University of Malaya (UM), Malaysia.
- Mohd Sarji, K. E (2018). *Unsur Alam Dalam Kumpulan Cerpen Pilihan*. Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia.
- Na'imah, T (2012, April). “Pendidikan Karakter (Kajian Dari Teori Ekologi Perkembangan)”. *Prosiding Seminar Nasional Psikologi Islami (Vol. 21)*.
- Narawi, S., & Syawal, M (2015). “Adaptasi unsur alam dan unsur fauna dalam kata panggilan adat: pendidikan untuk kelestarian budaya etnik Kelabit”. *Prosiding Anjuran Fakulti Pendidikan UKM Dengan Kerjasama: Kementerian Pendidikan Tinggi*.
- Noralina, O (2016). *Ekologi keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak miskin di Malaysia*. Tesis peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD), University of Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Howarth, W (1994). “Thoreau and the Cultural Construction of Nature”. *Interdisciplinary Studies in Literatural and Environment 2, no.1 (1994): 85-89*.
- Gomides, C (2006). “Putting a New Definition of Ecocriticism to the Test: The Case of The Burning Season, a Film (Mal) Adaptation1”. *Interdisciplinary Studies in Literature and Environment 13.1 (Winter 2006): 13-23*.
- Odum, E.P (1983). *Basic Ecology*. Japan: Holt-Saunders
- Omar, N. I. A (2010). *Unsur alam dalam pantun Melayu*. Tesis peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia.
- Salsabila, U. H (2018). “Teori Ekologi BronfenBrenner sebagai Sebuah Pendekatan dalam Pengembangan Kurikulum Pendidikan Agama Islam”. *Jurnal Al- Manar*, 7(1).
- Somad, P (2013). “Teori Ekologi sebagai Dasar Pengembangan Keterampilan Komunikasi Siswa Tunarungu Usia Pra-Sekolah”. *Jurnal Universitas Pendidikan Indonesia, Jawa Barat, Indonesia. Jassi Anakku*, 12(1), 97-111.
- Wulandari, Y (2017). “Kearifan ekologis dalam legenda “Bujang Sembilan” (Asal usul Danau Maninjau). Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, FKIP Universtias Ahmad Dahlan, Jalan Pramuka Nomor 42 Umbulharjo, Yogyakarta, Indonesia”. *Jurnal Madah, Volume 8, Number 1, Edisi April 2017:105-114*.

Zaitun, H (2015). *Manifestasi citra alam dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu penelitian firasat Melayu*. Tesis peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia

Rujukan Internet

Esten, M (1978). *Pengertian Sastra Secara Umum Dan Menurut Para Ahli*. Diakses pada 15 Julai 2020 daripada <https://asemmanis.wordpress.com/2009/10/03/pengertian-sastra-secara-umum-dan-menurut-para-ahli/>

Glotfelty, C (1994). *What is Ecocriticism?* Diakses pada 20 Jun 2020 daripada http://www.asle.umn.edu/conf/other_conf/wla/1994/glotfelty.html

Hariyanto, S., Irawan, B. & Soedarti, T (2018). *Teori dan Praktik Ekologi*. Diakses pada 15 Jun 2020, daripada https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=fMOCDwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA3&dq=info:8RTJzf5SjxIJ:scholar.google.com/&ots=IMRw1SOrYc&sig=HY39ep7h9qIbKW9CcMc3bOUL_8g&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false

Hashim Awang (1987). *Definisi Novel*. Diakses pada 25 Jun 2020, daripada <https://www.slideshare.net/muhammadaniq/hbml4203>

Hihola. SR & Siregar, C (2020). *Alam dalam pandangan Islam*. Diakses pada 2 Mei 2020 daripada <https://binus.ac.id/character-building/2020/05/alam-dalam-pandangan-Islam/>

Kamus Dewan (3th ed). (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses pada 15 Oktober 2020 daripada prpm.dbp.gov.my

Laison (2016). *Mengenal Belut*. Diakses pada 15 Disember 2020 daripada https://www.academia.edu/38027756/ANALISIS_SEMANTIK_INKUISITIF_BELUT_DALAM_PERIBAHASA_MELAYU

Mazni Bali (2014). *Prinsip Ekologi*. Diakses pada 8 Jun 2020 daripada https://www.academia.edu/9137486/PRINSIP_EKOLOGI

Rasngat, N. F, Abd. Rahman, K. A. & Marsuki, M. Z (2013). *Prinsip asas ekologi dalam (Deep Ecology): Suatu pandangan perspektif Islam*. Diakses pada 10 Jun 2020 daripada https://www.researchgate.net/publication/303330853_Lapan_Prinsip_ekologi_Dalam_menurut_perspektif_Islam

Rasa Music (2020). *Definisi Rusa-Apa itu maksud dan konsep-saya mahu tahu semuanya*. Diakses pada 15 Disember 2020 daripada <https://ms.erf-est.org/2704-ciervo.html>

Rimba Kita (2019). *Ekologi-Pengertian, Ruang Lingkup, Aspek & Manfaat*. Diakses pada 5 Jun 2020 daripada <https://rimbakita.com/ekologi/>